



BAHAGIAN 4 LIBAT URUS STRATEGIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

BAHAGIAN 4: LIBAT URUS STRATEGIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

PENGENALAN

Komitmen SC untuk memupuk ekosistem yang memudahkan dan inklusif bagi pasaran modal Malaysia adalah berpaksikan kepada libat urus strategik dan komunikasi terbuka dengan kedua-dua pihak berkepentingan dan orang ramai. Menyedari bahawa akauntabiliti bersama adalah penting untuk memacu pertumbuhan dan inovasi yang mampan, SC telah memperkukuh pendekatannya terhadap kerjasama merentas industri dan sektor lain. Pendekatan ini memastikan keperluan dan perspektif semua pihak berkepentingan dipertimbangkan secara teliti dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan inisiatif pembangunan.

Pada tahun 2024, SC membuat libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk meneruskan inisiatif yang menekankan pelaburan mampan dan bertanggungjawab (SRI) dan pasaran modal Islam (ICM). Melalui kerjasama rapat dengan peserta industri utama, SC menyasarkan untuk memacu hasil yang memberi kesan yang sejajar dengan visinya untuk pasaran modal yang inklusif dan berdaya tahan.

Usaha libat urus merangkumi pelbagai platform, termasuk program pendidikan dan kesedaran pelabur serta libat urus media yang disasarkan. Langkah ini memperluas jangkauan SC untuk memastikan pihak berkepentingan mendapat maklumat yang tepat dan terlibat dengan berkesan. Usaha libat urus dalaman dengan kakitangan SC juga diteruskan untuk memupuk budaya berprestasi tinggi, membolehkan SC memenuhi tanggungjawab kawal selianya dengan lebih berkesan.

Melalui libat urus strategik ini, SC kekal komited untuk membangunkan pasaran modal yang kukuh bagi memenuhi keperluan semua pihak berkepentingan, sekali gus memacu pertumbuhan Malaysia sebagai pasaran yang adil, cekap, dan telus dalam ekonomi global.

AKAUNTABILITI BERSAMA

Meningkatkan Kesedaran Keselamatan Siber dalam Pasaran Modal

Pada 14 November 2024, SC telah menganjurkan sesi webinar bertajuk *'Evolving Cyber Landscape'*, dengan entiti pasaran modal (CME) sebagai peserta utama. Sesi ini bertujuan memberikan gambaran menyeluruh tentang postur keselamatan siber semasa industri, dengan fokus kepada trend ancaman baharu dan amalan terbaik. Matlamatnya adalah untuk melengkapkan peserta dengan strategi praktikal dalam menghadapi cabaran dalam ruang siber yang terus berkembang serta menangani kelemahan dalam operasi mereka. Webinar tersebut menampilkan pembentangan oleh organisasi perisikan ancaman terkemuka, yang memberikan pandangan mendalam tentang cabaran keselamatan siber masa depan, khususnya dalam industri kewangan. Pembentangan itu mengetengahkan kelemahan yang timbul daripada teknologi fintech baharu serta kebergantungan kepada rantaian bekalan menjelang tahun 2025.

Sesi ini turut membincangkan pola ancaman terkini di rantau Asia Pasifik (APAC), termasuk penurunan jumlah aktiviti siber secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, konflik geopolitik telah merumitkan matriks ancaman serantau, yang memerlukan langkah berjaga-jaga tambahan. Risiko baharu yang dikaitkan dengan industri kewangan turut diketengahkan, khususnya ancaman daripada AI generatif seperti *deepfakes* dan soalan-soalan lazim mengenai GTRM SC untuk memperjelaskan jangkaan SC. Pendekatan ini memastikan semua peserta mempunyai pemahaman yang kukuh. Webinar diakhiri dengan penegasan terhadap komitmen SC dalam menyediakan pengetahuan tentang amalan terbaik

kepada CME, yang bertujuan meningkatkan tahap perlindungan dan memastikan keselamatan keseluruhan ekosistem digital serta infrastruktur teknologi.

EKOSISTEM YANG FASILITATIF DAN INKLUSIF

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana serta Syarikat Pertengahan

Pada 23 Mei 2024, SC melancarkan *Pemangkin Akses PMKS dan Syarikat Pertengahan kepada Pasaran Modal: Pelan Hala Tuju 5 Tahun (2024-2028)* (Pelan Hala Tuju), sebuah pelan tindakan pelbagai tahun yang bertujuan untuk memposisikan pasaran modal sebagai sumber pembiayaan yang lebih menarik dan kukuh bagi PMKS serta MTC, sambil membina asas kukuh untuk penyelesaian pasaran modal yang berskala dan mampan bagi PMKS dan syarikat pertengahan.

Pelan Hala Tuju itu dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican bagi pihak Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan. Acara yang diadakan di SC itu dihadiri lebih 400 peserta terdiri antaranya daripada wakil kementerian dan agensi kerajaan, pemilik perniagaan PMKS dan MTC, persatuan industri, firma penyelidikan dan pengantara kewangan.

Dalam membangunkan Pelan Hala Tuju, pendekatan seluruh negara telah digunakan, yang terdiri daripada libat urus yang meluas dengan pihak berkepentingan utama – baik daripada sektor awam mahupun swasta. SC telah mengadakan empat bengkel pemikiran dan penyelesaian yang melibatkan pemilik PMKS dan MTC, persatuan industri, pengantara pasaran modal, serta





agensi kerajaan. Bengkel ini memberikan cerapan mendalam tentang cabaran utama pembiayaan yang dihadapi oleh PMKS dan MTC. Perkara ini dilengkapkan dengan 25 libat urus dua hala dengan beberapa peserta bengkel untuk menyelami lebih mendalam isu dan cadangan mereka.



Bagi mendapatkan sokongan penting daripada kerajaan, SC telah melaksanakan latihan sosialisasi dan menjalankan libat urus dengan Pejabat Perdana Menteri serta kementerian berkaitan, termasuk menteri-menteri daripada kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD), Ekonomi (MOE), dan Pelaburan, Perdagangan, dan Industri (MITI). Langkah ini bertujuan untuk memastikan Pelan Hala Tuju sejajar dengan keutamaan dan matlamat setiap kementerian. Selepas pelancaran Pelan Hala Tuju, SC terus bekerjasama rapat dengan kerajaan, termasuk membentangkan Pelan Hala Tuju di Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (NESDC), yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, untuk mendapatkan sokongan selanjutnya daripada kementerian dan agensi.

Kejayaan pelaksanaan 36 inisiatif yang dikenal pasti dalam Pelan Hala Tuju memerlukan komitmen dan usaha pelbagai pihak. Oleh itu, SC membuat libat urus dengan rakan kongsi utama untuk menyokong inisiatif demi meletakkan pasaran modal sebagai pilihan pembiayaan yang menarik untuk PMKS dan MTC. Sehingga Disember 2024, SC telah

memeterai dua Memorandum Persefahaman (MOU). Yang pertama adalah kerjasama dengan Khazanah Nasional untuk merangsang pertumbuhan dan pengembangan syarikat pertengahan (MTC) melalui komitmen pelaburan awal sebanyak RM500 juta oleh Khazanah. Selain itu, kerjasama ini juga melibatkan pelaksanaan pelbagai program pembinaan kapasiti dan inisiatif inkubasi pengumpulan dana bagi meningkatkan kesediaan MTC terhadap pasaran modal. MOU kedua adalah dengan Credit Guarantee Corporation (CGC) untuk menghubungkan PMKS dan MTC kepada penyelesaian pembiayaan pasaran modal yang paling sesuai dengan keperluan pembiayaan mereka melalui platform imSME CGC, serta untuk menyokong usaha nyahrisiko pelaburan dalam PMKS dan MTC dengan memberikan jaminan kredit kepada penyelesaian pasaran modal.

Melangkah ke hadapan, SC akan terus menjalinkan libat urus secara meluas dengan pihak-pihak yang berminat untuk memacu pelaksanaan inisiatif Pelan Hala Tuju.

Pasaran Persendirian

Sidang Kemuncak KL20

Pada Sidang Kemuncak KL20 2024, yang diterajui oleh Kementerian Ekonomi (MOE), kerajaan Malaysia mempamerkan rancangan bercita-cita tinggi untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang dinamik di negara ini. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan persekitaran yang mendukung bakat dan menarik pelaburan, menjadikan Malaysia sebagai pusat utama keusahawanan dan inovasi di rantau ASEAN serta hab 20 teratas dunia bagi syarikat pemula menjelang tahun 2030.

Dalam menyokong agenda nasional ini, SC mengambil bahagian dalam sidang kemuncak ini untuk menonjolkan Malaysia sebagai destinasi utama bagi VC dan syarikat pemula global untuk menubuhkan operasi mereka. SC merupakan salah satu pempamer utama bagi sidang kemuncak tersebut, yang dihadiri oleh GLIC, firma VC/PE tempatan dan asing, pelabur, syarikat pemula, serta pelbagai agensi kerajaan. Di bawah KL20, SC ialah agensi pelaksana untuk VC *Golden Pass* yang bertujuan untuk menarik VC global atau serantau untuk menubuhkan dan mengurus dana dari luar Malaysia.

Sidang Kemuncak KL20 2024 menandakan permulaan inisiatif KL20, dengan perbincangan sedang dijalankan untuk meneruskan sidang kemuncak itu pada tahun 2025. Dengan kerjasama pihak berkepentingan utama, termasuk MOE, MOSTI, Khazanah Nasional, MAVCAP, MDEC, MRANTI, dan Cradle, SC membantu

membangunkan asas untuk aspirasi syarikat pemula Malaysia. Cerapan utama daripada sidang kemuncak itu menyerlahkan kedudukan unik Malaysia, dengan rizab modal VC/PE global pada rekod tertinggi, pendirian geopolitik neutral dan keupayaan domestik yang kukuh. Dengan memanfaatkan faktor ini, Malaysia berada pada kedudukan untuk mencapai visi KL20 untuk tergolong dalam 20 ekosistem permulaan global teratas menjelang tahun 2030.

Pulau Pinang: Sesi Kopi dan Perbincangan + Libat Urus MBAN

SC juga bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan di peringkat negeri untuk menggalakkan pertumbuhan ruang pembiayaan alternatif untuk agensi masing-masing. Pada 8 Januari 2024, SC mengambil bahagian sebagai pembentang ucapama dalam acara *Malaysian Business Angel Network (MBAN)* bertajuk '*Coffee & Conversations: What's Next in Corporate Venturing*', yang diadakan di Harmonico Pulau Pinang.

Acara itu bertujuan untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan korporat di utara Malaysia mengenai modal teroka korporat (CVC), serta menggalakkan korporat ini untuk memulakan perjalanan CVC mereka. Melalui acara ini, SC bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama termasuk MBAN dan Digital Penang. Sebagai pelengkap kepada acara itu, SC juga telah mengadakan libat urus dengan CREST dan Digital Penang melalui mesyuarat berasingan untuk memahami inisiatif berkaitan pasaran modal dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), sekaligus membuka jalan untuk kerjasama masa depan antara SC dan pihak berkepentingan di Pulau Pinang.

Johor: NaviGate (Pembiayaan Alternatif) + Libat Urus

Pada 20 Mei 2024, SC menganjurkan siri acara NaviGate di Iskandar Puteri, Johor, dengan tujuan untuk meneroka amalan kemampanan dalam saluran pembiayaan alternatif termasuk VC/PE. SC bekerjasama dengan Iskandar Investment Bhd (IIB), MAVCAP, Penjana Kapital, Bintang Capital Partners serta pengendali ECF dan pembiayaan P2P terpilih untuk acara ini, yang menjadi peluang bagi PMKS Malaysia untuk meneroka saluran pembiayaan pasaran modal alternatif bagi keperluan pembiayaan hijau dan mampan.

Antara intipati dari sudut pasaran persendirian ialah cerapan tentang bagaimana firma VC/PE mengguna pakai pertimbangan kemampanan, piawaian atau

akreditasi (contohnya *UN Principles for Responsible Investment*) dan implikasinya terhadap keputusan pelaburan dalam firma VC/PE. Pada acara tersebut, SC telah berhubung dengan syarikat pemula terpilih yang berpangkalan di Johor untuk memahami keperluan pembiayaan mereka dan meneroka saluran pembiayaan alternatif bagi memenuhi keperluan tersebut.

Program Modal Teroka Korporat

Pada tahun 2024, SC memperkenalkan *Catalyst Series*, satu dialog mengenai inovasi korporat, untuk memupuk libat urus antara korporat dan syarikat pemula, mengesahkan model perniagaan, menarik dan mengekalkan bakat terbaik serta menangani cabaran perniagaan dunia sebenar. Siri ini diperkenalkan sebagai pengiktirafan bahawa modal teroka korporat adalah tonggak yang semakin penting dalam ekosistem pelaburan dan bahawa banyak korporat baru memulakan perjalanan CVC mereka dan mungkin kekurangan pengetahuan, bakat dan hubungan dengan syarikat pemula.

Dialog sulung ini meneroka peranan inovasi dalam keselamatan siber dan kepentingannya kepada korporat. Ia juga merangkumi perkongsian pengalaman dan peluang menjalin rangkaian bagi pemimpin korporat untuk mempelajari tentang apa yang berkesan dan apa yang kurang berkesan dalam perjalanan inovasi masing-masing.

Sesi kedua *Catalyst Series* SC, yang dianjurkan bersama dengan The Hive Southeast Asia, meneroka bagaimana AI generatif mewakili anjakan paradigma dalam penyelesaian masalah dan inovasi serta penggunaan AI dan pertimbangan etika. Acara ini dihadiri oleh syarikat, pemimpin industri, penggubal dasar dan inovator yang meneroka potensi transformatif AI generatif dalam ekonomi digital. Rakan kongsi dan pengasas di The Hive, LLC, termasuk T.M. Ravi dan Kamesh Raghavendra, serta The Hive Climate AI, seperti Géraldine Andrieux Gustin, turut hadir untuk berkongsi bagaimana AI generatif sedang menuju ke arah menjadi salah satu era paling transformatif dalam sejarah manusia serta peranan AI dalam menangani perubahan iklim.

Selain itu, Capital Market Malaysia (CMM) bekerjasama dengan Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) untuk mendalami pandangan peringkat lembaga mengenai nilai strategik CVC. Perkongsian ini menawarkan pemimpin kanan platform untuk meneroka amalan terbaik, piawaian tadbir urus dan kelebihan pelaburan yang diterajui inovasi. Intipati daripada sesi

ini menekankan perspektif pelabur yang luas mengenai inovasi merentas pelbagai model perniagaan, sambil mengiktiraf cabaran dalam memperoleh aliran urus niaga berkualiti. Para peserta berkongsi bahawa melalui pilihan pelaburan yang pelbagai, kerjasama dengan pakar, dan pengurusan risiko berasaskan portfolio, syarikat boleh mengoptimumkan pulangan secara berkesan serta meminimumkan risiko dalam sektor syarikat pemula.

Sesi-sesi ini mencerminkan tumpuan SC mengenai kecemerlangan kawal selia serta transformasi dalaman, kemampanan, dan pembangunan bakat, bagi memastikan pendekatan yang bersatu terhadap keutamaan bagi tahun 2024.

Pada 30 September 2024, SC telah mengadakan sesi perjumpaan pihak pengurusan di lokasi luar bagi menyelaraskan keutamaannya bagi tahun 2025 dan seterusnya, dengan menyedari bahawa tahun hadapan akan menjadi tempoh kritikal untuk menyampaikan beberapa inisiatif berimpak tinggi. Pengurusan kanan SC bekerjasama rapat untuk menyelaraskan sumber dan strategi, memastikan persediaan yang optimum bagi tahun kepengerusian ASEAN yang akan datang, Penilaian Bersama FATF, serta pelancaran rangka kerja utama seperti Pelan Hala Tuju PMKS, NSRF, dan Inisiatif Pejabat Keluarga.

Libat urus ini mencerminkan komitmen SC terhadap penambahbaikan berterusan dan kerjasama, membolehkan kakitangannya menyampaikan hasil yang membentuk masa depan pasaran modal. Dengan hala tuju yang jelas dan usaha yang sejajar, SC kekal teguh dalam misinya untuk menyokong pertumbuhan pasaran yang mampan, mengekalkan integriti kawal selia, dan memastikan organisasi bersedia menghadapi cabaran tahun 2025.

Ekonomi Pihak Berkepentingan dengan SRI dan ICM

Membina ekonomi pihak berkepentingan adalah penting dalam mewujudkan ekosistem kewangan di mana semua pihak berkepentingan, yang terdiri daripada pelabur, perniagaan, pengawal selia, dan masyarakat, bekerjasama ke arah matlamat yang sama, memupuk pertumbuhan yang inklusif dan mampan. Selaras dengan *Pelan Induk Pasaran Modal 3 SC (CMP3)*, komited untuk meningkatkan ICM ke fasa pembangunan seterusnya. Hala tuju strategik ini bertujuan untuk memastikan Malaysia kekal berdaya saing dan meletakkannya sebagai peneraju

global serta model peranan dalam ICM. Selain itu, ia sejajar dengan prinsip *Maqasid al-Syariah*, yang juga bertujuan untuk membentuk landskap kewangan yang melihat melangkaui keuntungan untuk merangkumi pertimbangan masyarakat dan etika yang lebih luas. Integrasi *Maqasid al-Syariah*, juga akan memperkukuh peranan kepimpinan Malaysia di samping membimbing industri ke arah pertumbuhan yang beretika dan mampan selaras dengan nilai-nilai Islam.

Pada tahun 2024, SC telah memulakan pelbagai usaha untuk menjalin dan mengeratkan hubungan, seterusnya membuka peluang baharu untuk kerjasama dan perkongsian melalui persidangan, meja bulat, forum, dan bengkel. Dengan reka bentuk sedia ada yang selaras dengan objektif CMP3, bidang tumpuan masa depan akan merangkumi teknologi kewangan Islam, kewangan sosial Islam, dan pelaburan berimpak, yang penting untuk membangunkan ICM yang kukuh sambil terus memudah cara ekosistem sedia ada. Dengan bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama, SC berhasrat untuk memupuk ekonomi pihak berkepentingan yang bukan sahaja memenuhi keperluan pasaran tetapi juga menegakkan nilai *Maqasid al-Syariah*. Pendekatan ini memastikan ICM berperanan sebagai wadah yang berkesan untuk mengumpul dana, mengagihkan semula kekayaan, dan memacu pembangunan ekonomi yang mampan.

Memajukan Persaudaraan Penasihat Syariah ICM – Nadwah Penasihat Syariah Dalam Pasaran Modal Islam SC 2024

Edisi ke-2 Nadwah Penasihat Syariah dalam Pasaran Modal Islam SC 2024 (Nadwah SC 2024) telah dianjurkan dengan kerjasama Bursa Malaysia pada 25 April 2024 di SC. Acara ini menyediakan penasihat Syariah dan pihak berkepentingan ICM dengan platform utama untuk menerima kemas kini serta dimaklumkan mengenai resolusi terkini daripada Majlis Penasihat Syariah (MPS) dan perkembangan kawal selia dalam ICM. Satu bidang utama perbincangan tertumpu kepada pelaksanaan *Panduan Maqasid Al-Syariah untuk Pasaran Modal Islam Malaysia* dalam kewangan Islam dari perspektif serantau dan antarabangsa. Acara ini menarik hampir 250 peserta, mengukuhkan peranannya dalam meningkatkan kapasiti penasihat Syariah dengan pengetahuan dan kepakaran khusus industri.

Perbincangan kumpulan fokus tertutup dengan Penasihat Syariah telah juga diadakan dengan kerjasama BNM pada 26 April 2024. Sesi ini bertujuan untuk meneroka hala tuju masa depan khidmat nasihat Syariah dan telah dihadiri oleh lebih 50 peserta, termasuk penasihat Syariah, ahli MPS, dan wakil kanan dari SC, BNM, dan Bursa Malaysia.



Dialog Industri dengan Penasihat Syariah

Pada 8 Mac 2024, SC menganjurkan Dialog Industri dengan Penasihat Syariah dalam Pasaran Modal Islam 2024 (Dialog Penasihat Syariah SC 2024). Dialog Penasihat Syariah SC 2024 memainkan peranan penting dalam memacu perbincangan mendalam mengenai pelbagai isu, termasuk rangka kerja kawal selia, pembinaan kapasiti, pematuhan serta penyeliaan Syariah dalam ICM, kemajuan terkini dalam ICM, dan usaha menangani isu serta cabaran kritikal yang dihadapi oleh penasihat Syariah dalam mengimbangi pematuhan dengan inovasi dalam sektor yang berkembang pesat ini.

Seramai 50 peserta menghadiri dialog setengah hari itu terdiri daripada penasihat Syariah yang berdaftar dengan SC, ahli jawatankuasa Syariah daripada institusi kewangan Islam di bawah BNM dan pihak berkepentingan ICM yang lain.



Memupuk Inovasi Dalam Fintech Islam – Perbincangan Meja Bulat FIKRAtech

Perbincangan Meja Bulat FIKRAtech telah diadakan di London, UK pada 4 September 2024. Berpanduan kejayaan Perbincangan Meja Bulat Fintech Islam yang pertama kali diadakan pada tahun 2023, Perbincangan Meja Bulat FIKRAtech telah diperkenalkan untuk memperhebat perbincangan, perkongsian pengalaman, dan penerokaan idea serta penyelesaian bagi memajukan ICM melalui teknologi kewangan (fintech). Acara tersebut dihadiri 24 peserta dari pemain fintech Malaysia dan UK, dianjurkan dengan kerjasama Islamic Finance News (IFN) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Perbincangan tertumpu kepada bidang utama berikut:

1. Potensi fintech Islam yang kukuh terus berkembang, namun pada masa yang sama, cabaran yang ketara masih wujud, terutamanya dalam mengakses modal untuk peningkatan skala.
2. Hasil yang diharapkan daripada kerjasama antara ekosistem fintech Malaysia dan UK untuk memacu pembangunan penyelesaian yang berimpak global.
3. Kejayaan dalam fintech sosial Islam memerlukan peraturan yang jelas, peluang yang saksama, pembuatan keputusan berasaskan data, serta tumpuan yang kukuh terhadap pematuhan ESG dan Syariah.

Memperkuhkan Kemampanan dan Kewangan Sosial melalui ICM – SC Bekerjasama dengan IsDB untuk Memajukan ICM

Satu pencapaian penting ICM telah direkodkan apabila SC menandatangani MOU dengan Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IsDB) pada 29 April 2024 di Riyadh, Arab Saudi.

Peristiwa ini membuka jalan kepada kerjasama yang lebih erat dalam ICM dan meluaskan jangkauan kewangan teknologi kewangan Islam dan sosial, khususnya wakaf. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, dan Presiden merangkap Pengerusi IsDB, Dr. Muhammad Al Jasser, menyaksikan majlis menandatangani MOU penting tersebut, yang pertama seumpamanya antara pengawal selia pasaran modal Malaysia dan bank pembangunan pelbagai hala terkemuka di Selatan Global.

Dato' Seri Anwar dan Dr. Muhammad Al Jasser, dalam mesyuarat mereka pada Mac 2023, bersetuju agar pengawal selia, pihak berkuasa dan perniagaan di Malaysia akan bekerjasama rapat dengan IsDB untuk meneroka bidang kerjasama baharu. Ini termasuk membangunkan dan merintis produk kewangan Islam yang inovatif, mempromosikan industri halal, dan menyokong PMKS.

Di bawah MOU itu, kedua-dua SC dan IsDB akan bekerjasama dalam beberapa bidang utama. Ini termasuk memudahkan inovasi dalam fintech Islam, menggalakkan pembangunan kewangan sosial Islam, dan menggalakkan aliran masuk pelaburan. Kedua-dua pihak bertujuan untuk meningkatkan pembinaan kapasiti, perkongsian pengetahuan, dan projek teknikal bersama dalam bidang-bidang kepentingan utama yang berkaitan dengan ICM, yang juga boleh dimanfaatkan oleh kedua-dua institusi untuk manfaat negara anggota IsDB yang lain.



Wakaf dan Perbincangan Meja Bulat Pasaran Modal Islam dan Libat Urus dengan Majlis Agama Islam Negeri

Perbincangan Meja Bulat Wakaf dan Pasaran Modal Islam, anjuran SC dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), berlangsung pada 15 Ogos 2024, di Hotel Hyatt Regency di Kuantan, Pahang. Bertemakan 'Merintis Pelaksanaan Wakaf Kontemporari', Perbincangan Meja Bulat ini

mengumpulkan lebih 60 pihak berkepentingan daripada ekosistem wakaf, termasuk agensi kerajaan, penggubal dasar, Majlis Agama Islam Negeri, penasihat Syariah, ahli akademik dan pengamal pasaran. Perbincangan tertumpu kepada keperluan untuk model wakaf kontemporari yang inovatif dan aplikasi teknologi untuk meningkatkan pengurusan wakaf, menggalakkan ketelusan, kecekapan dan penglibatan masyarakat.

Selaras dengan perbincangan meja bulat sebelum ini, SC telah menjalankan beberapa siri mesyuarat selepas acara dengan Majlis Agama Islam Negeri untuk mengukuhkan hubungan, memahami cabaran, dan meneroka sinergi bagi memaksimumkan impak pembangunan wakaf di Malaysia. SC juga berbincang dengan Majlis Agama Islam Negeri mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh MyCIF, yang dimulakan oleh Kementerian Kewangan untuk melabur bersama dalam PMKS melalui platform pembiayaan ECF dan P2P, dalam usaha pembangunan aset wakaf dan pembiayaan berasaskan pasaran. Majlis Agama Islam Negeri menyatakan semangat untuk bekerjasama dengan SC untuk mengembangkan impak wakaf melalui MyCIF dan produk ICM yang lain.

Sebagai komponen utama kewangan sosial Islam, wakaf mempunyai potensi besar untuk menangani cabaran sosio-ekonomi seperti kemiskinan dan pengangguran, sambil mengintegrasikan dengan dana patuh Syariah untuk mencapai impak sosial yang bermakna bagi masyarakat.

Perbincangan Meja Bulat SC-OCIS ke-15 2024

Dengan objektif untuk memajukan kepimpinan pemikiran global dalam kewangan Islam, Perbincangan Meja Bulat SC-OCIS ke-15, bertemakan 'Memulihkan Kemanusiaan dalam Kewangan', telah diadakan di Oxford dari 7 hingga 8 September 2024. Sejak perasmian pada tahun 2010, Perbincangan Meja Bulat ini terus merangsang perbincangan dan wacana intelektual mengenai isu-isu kontemporari dalam kewangan Islam, menyumbang kepada usaha pembangunan terutamanya dalam sektor ICM.

Perbincangan merangkumi pemulihan lensa moral dan amalan pembiayaan serta mengalihkan fokus daripada pengekstrakan nilai, dengan sumber dieksploitasi untuk keuntungan jangka pendek, ke arah penciptaan nilai, dengan keputusan kewangan dibuat untuk kemampanan jangka panjang dan manfaat masyarakat. Diharapkan hasil daripada Meja Bulat akan menyumbang kepada aplikasi nilai-nilai universal,

seperti yang dirangkumi *Maqasid al-Syariah*, sepanjang rantaian nilai sesebuah syarikat, termasuk pembiayaan dan penyampaian produk serta perkhidmatan, yang diselaraskan dengan jangkaan pihak berkepentingan.

Perbincangan Meja Bulat itu diserikan oleh DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Raja Perak Darul Ridzuan dan Penaung Diraja Inisiatif Kewangan Islam Malaysia yang menyampaikan ucapan khas di Auditorium OCIS Malaysia kepada lebih 50 peserta antarabangsa.

Persidangan SC-Bank Dunia

Perkongsian yang kukuh dan panjang antara SC dan Bank Dunia diperkukuhkan melalui edisi kelima Persidangan SC-Bank Dunia, bertemakan 'Memperkasa PMKS: Memupuk Pertumbuhan Ihsan melalui Pasaran Modal'. Berlangsung pada 15 Oktober, persidangan tersebut memberi tumpuan kepada peranan penting PMKS dalam memupuk pembangunan ekonomi dan sosial yang saksama. Ia meneroka bagaimana pasaran modal dan ICM boleh menangani jurang pembiayaan melalui pendekatan inklusif yang sejajar dengan *Maqasid al-Syariah*, untuk meluaskan kekayaan dan memupuk perniagaan dalam ekosistem yang menyokong.

Acara ini menekankan kepentingan kerjasama dalam kalangan kerajaan, pengawal selia, perniagaan dan pelabur, sambil mengetengahkan teknologi, keterangkuman kewangan dan dasar sokongan sebagai pemacu utama untuk pertumbuhan PMKS yang mampan.

Hampir 300 peserta daripada ekosistem PMKS, termasuk agensi kerajaan, firma VC dan PE, bank Islam tempatan dan GLIC, menghadiri persidangan ini.

Kemuncak persidangan ini ialah pelancaran *Penilaian Pendedahan ESG ke atas Syarikat Tersenarai Malaysia dan Cadangan untuk Laporan Pembangunan Dasar*, yang dibangunkan bersama oleh SC dan Bank Dunia. Dilancarkan oleh Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Inovasi, Liew Chin Tong, laporan itu menganalisis amalan ESG bagi 90 syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia serta pemilik aset utama. Cadangan utama termasuk pemantauan dan perundingan berterusan untuk meningkatkan pendedahan ESG selaras dengan NSRF, menggalakkan pematuhan kepada garis panduan pelaporan kemampanan Bursa Malaysia, dan menggalakkan amalan ESG dalam kalangan pelabur domestik.

Membina Pasaran Modal Mampan

Untuk membangunkan dasar SRI dengan berkesan dan menggalakkan pasaran modal yang mampan, SC menekankan kerjasama aktif dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk penggubal dasar awam. Libat urus ini memastikan objektif strategik SRI sejajar dengan dasar dan komitmen negara yang lebih luas terhadap matlamat pembangunan mampan dan iklim, meletakkan asas bagi pembangunan dasar dan strategi SRI pada masa depan dalam pasaran modal Malaysia.

Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim

Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3) kekal komited untuk bekerjasama dengan kementerian, agensi kerajaan yang berkaitan dan persatuan industri bagi memajukan respons sektor kewangan terhadap risiko berkaitan iklim, selaras dengan strategi dan keutamaan negara.

Sebagai Pengerusi Bersama, kedua-dua SC dan BNM menjalankan libat urus dengan ahli dan pemerhati JC3 mengenai pelbagai topik serta memantau kemajuan kerja yang sedang berjalan untuk memastikan pelan tindakan khusus menyokong peralihan ekonomi yang adil dan teratur.

Sesi maya jangkauan JC3 pada 12 Julai 2024 turut menyediakan pengenalan menyeluruh tentang cara agenda kemampanan membentuk industri VC/PE di peringkat global dan serantau. Peluang pembelajaran ini membolehkan ahli JC3 memperdalam pemahaman mereka tentang cara VC dan PE boleh memainkan peranan penting dalam membiayai penyelesaian iklim.

SC dan BNM juga menganjurkan sesi libat urus pada separuh kedua tahun ini, bagi pihak MOE dan MOF mengenai *Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara* (NETR) dan Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS). Pada sesi ini, kementerian memudahkan perbincangan mengenai keperluan pembiayaan dan meneroka mekanisme pembiayaan yang sesuai untuk projek-projek ini.

Selain itu, JC3 dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menganjurkan sesi libat urus mengenai *Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara* (RUUPIN) dan *Kajian Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan* (KDKK) untuk mengumpul maklum balas dan ulasan daripada ahli dan pemerhati JC3 serta pemain industri sektor kewangan lain mengenai rangka kerja perundangan dan dasar yang dicadangkan.

Libat Urus dalam Jawatankuasa dan Bengkel untuk Tindakan Iklim Kolektif

SC terus menyokong pelbagai inisiatif kerajaan dengan memanfaatkan kepakarannya dalam kewangan mampan melalui penyertaan dalam bengkel berkaitan serta keahlian dalam pelbagai jawatankuasa.

Pada suku pertama, SC juga mengambil bahagian dalam sesi libat urus yang dianjurkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mengenai pembangunan Rangka Kerja Pensijilan ESG untuk membantu meningkatkan kedudukan Malaysia dalam semua ranking dan laporan seperti GGEI: *Global Green Economy Index* (GGEI) dan Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa (IMD).

SC ialah ahli Jawatankuasa Projek Panduan Rangka Kerja Kelestarian OGSE Kebangsaan (NOS-F) Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC), dengan fungsi utama untuk menyemak, memberikan maklum balas yang membina dan meluluskan laporan akhir untuk Panduan NOS-F.

Di peringkat global, SC berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa penasihat Program Kewangan Islam Global (GIFP) untuk Iklim, Alam dan Pembangunan, yang diumumkan pada Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2023 (COP28) di Dubai. SC terus menyediakan panduan dan hala tuju strategik untuk penubuhan dan pengoperasian GIFP. Inisiatif ini bertujuan untuk memobilisasi modal Islam melalui penyelesaian kewangan campuran untuk menyokong penyelesaian berasaskan alami (NbS). Ini adalah bertujuan untuk memanfaatkan kepimpinan global Malaysia dalam kewangan Islam dan penjajaran yang kukuh antara kewangan Islam dan SRI.

SC mempengerusikan Pasukan Petugas Kemampanan COMCEC (COMCEC STF), yang ditubuhkan sebagai platform untuk pengawal selia pasaran modal bekerjasama dan mengenal pasti pemacu bersama bagi kewangan mampan. COMCEC STF juga berusaha untuk memupuk kerjasama jangka panjang dalam kalangan negara anggota dengan memajukan penyelesaian yang diselaraskan untuk kewangan dan pelaporan mampan. Antara inisiatif yang diambil oleh Pasukan Petugas ialah tinjauan asas yang direka untuk menilai status rangka kerja pengawalseliaan ahli, cabaran bersama dan batasan dalam ekosistem kewangan mampan. Dapatan daripada tinjauan ini akan membantu ahli COMCEC STF dalam membangunkan program penerangan yang disasarkan dan memastikan pengenalanpastian keperluan pembinaan kapasiti dengan berkesan, selaras dengan objektif Pasukan Petugas.

Mempromosikan Kesedaran dan Pembinaan Kapasiti SRI di Peringkat Tempatan dan Antarabangsa

SC terus melibatkan diri dalam promosi aktif SRI melalui program kesedaran dan pembinaan kapasiti yang disasarkan. Inisiatif ini adalah penting dalam melengkapi pihak berkepentingan dengan pengetahuan dan sokongan yang diperlukan untuk membuat keputusan termaklum sejajar dengan matlamat kemampanan.

Usaha membina kapasiti adalah sebahagian daripada agenda untuk memupuk kewangan yang mampan. Ia memberikan peluang untuk belajar, mempertimbangkan bidang pembangunan utama, dan bertukar pandangan bagi membangunkan pendekatan serta penyelesaian bersama, untuk memastikan pasaran modal terus memenuhi keperluan global yang sentiasa berubah.

NaviGate: Siri Pembiayaan Pasaran Modal Hijau

SC terus menganjurkan program di bawah NaviGate: Siri Pembiayaan Pasaran Modal Hijau, program kesedaran utama SC untuk pembiayaan hijau dan mampan.

Untuk meneroka peluang dalam saluran pembiayaan pasaran modal alternatif seperti platform pembiayaan ECF dan P2P, SC dengan sokongan CMM mengadakan program NaviGate pertama tahun ini pada 26 April 2024 di Kuala Lumpur.

Program setengah hari itu menawarkan pandangan tentang proses pengumpulan dana melalui pembiayaan ECF dan P2P, dengan perkongsian pengalaman rakan setara oleh PMKS dan pengendali platform, serta motivasi mereka untuk meningkatkan pembiayaan mampan melalui platform ini.

Ini diikuti dengan program kedua pada 20 Mei 2024, dengan SC dan Iskandar Investment Bhd (IIB) menjadi penganjur bersama NaviGate: Siri Pembiayaan Hijau Pasaran Modal di Johor, menawarkan cerapan tentang pengumpulan dana melalui platform pembiayaan ECF dan P2P, dengan PMKS berkongsi perjalanan mereka ke arah pembiayaan yang mampan. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang amalan kemampanan daripada lensa firma VC/PE, menekankan peranan kritikal mereka dalam memupuk inisiatif hijau dan pelaburan yang bertanggungjawab.

Pada masa yang sama, SC mengetuai pertemuan meja bulat tertutup dengan agensi negeri Johor dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan. Sesi ini

memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai pembangunan mampan dan inisiatif mesra iklim, serta meneroka bagaimana ini boleh dipermudahkan melalui pasaran modal.

Selaras dengan usaha berterusan SC untuk memudahkan kewangan peralihan dan menyokong perniagaan serta industri dalam peralihan mereka ke arah ekonomi sifar bersih, SC, dengan kerjasama Glasgow Financial Alliance for Net Zero's Asia Pacific Network (GFANZ APAC), menganjurkan satu lagi program NaviGate pada 9 Oktober 2024. Program ini disokong oleh Suruhanjaya Tinggi British Kuala Lumpur dan Bursa Malaysia.

Forum bertajuk 'Pelaburan Peralihan ke arah Sifar Bersih' memaparkan perbincangan mengenai perancangan peralihan yang diterima secara global dan panduan kewangan daripada Pasukan Petugas Rancangan Peralihan UK serta GFANZ. Para peserta juga mendapat pandangan tentang strategi pelaburan pelabur yang komited kepada sifar bersih dan meneroka cabaran serta peluang bagi sektor yang sukar dihentikan, khususnya sektor tenaga, dalam peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

Forum sehari itu menampilkan penceramah daripada *UK Transition Plan Taskforce* (UK TPT), *UK His Majesty's Treasury* (HMT), GFANZ APAC Network, abrdn, Bursa Malaysia serta Kumpulan Wang Persaraan (KWP). Lebih 150 peserta daripada kementerian, GLIC, syarikat pengurusan aset, syarikat pengurusan dana, institusi kewangan serta korporat menghadiri forum tersebut.

Lawatan Sambil Belajar untuk Pembelajaran Berterusan

(a) Program Latihan Persatuan Kerjasama Teknikal Luar Negara dan Perkongsian Mampan (AOTS) Jepun untuk Sokongan Peralihan Tenaga bagi Malaysia

Dari 26 Februari hingga 1 Mac 2024, SC menyertai Program Latihan AOTS untuk Sokongan Peralihan Tenaga bagi Malaysia melalui pencalonan oleh Kementerian Ekonomi. Program ini, kerjasama antara kerajaan Jepun dan Malaysia, bertujuan untuk menyediakan pembinaan kapasiti untuk memudahkan peralihan tenaga Malaysia.

Delegasi Malaysia juga termasuk wakil daripada Kementerian Ekonomi, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Suruhanjaya Tenaga, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Petronas, dan BNM.

Program latihan itu menampilkan perbincangan, sesi perkongsian, dan lawatan tapak bersama Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun, Institut Penyelidikan Teknologi Inovatif untuk Bumi Jepun, Kansai Electric Power, Kawasaki Heavy Industry, dan syarikat tenaga terkemuka yang lain. Diadakan di Tokyo, Kyoto, Kobe, dan Osaka, program ini memberi peluang untuk pertukaran pengetahuan serta mempamerkan usaha Jepun dan teknologi terkini. Selain itu, program ini termasuk pandangan tentang pembiayaan yang diperlukan untuk peralihan tenaga, serta pelbagai instrumen dan struktur kewangan yang diperlukan untuk menggerakkan usaha ini.

(b) Pembinaan Kapasiti Kewangan Hijau Capacity Alliance of Sustainable Investment (CASI)

Pada 24 dan 25 Jun 2024, SC telah mengambil bahagian dalam acara *Capacity Building Alliance of Sustainable Investment* (CASI), yang menampilkan bengkel dua hari di Hong Kong, diikuti dengan lawatan sambil belajar ke Huzhou (Wilayah Zhejiang di China) dari 26 hingga 28 Jun 2024. Di bengkel di Hong Kong, SC mengambil bahagian dalam sesi panel bertajuk 'Kemas Kini Pasaran dan Rangka Kerja Dasar untuk Kewangan Mampan' di mana kemas kini tentang taksonomi, keperluan pendedahan serta pembiayaan mampan seperti SRI dan sukuk berkaitan SRI telah dibincangkan.

Lawatan sambil belajar ini memaparkan tiga tema, (a) menggunakan kewangan hijau untuk menyokong transformasi dan peningkatan industri; (b) menggunakan pembiayaan hijau untuk menyokong pemulihan ekologi; dan (c) mempamerkan amalan inovatif oleh institusi kewangan di Huzhou.

Lawatan ke Huzhou menampilkan tempat lawatan menarik yang membolehkan para peserta mengetahui lebih lanjut mengenai projek hijau di rantau ini. Salah satu contoh ialah bangunan pasang siap, yang mengurangkan penggunaan tenaga dengan ketara, memerlukan lebih sedikit kerja manual, menghasilkan kurang pembaziran dan memendekkan masa yang diambil untuk menyiapkan projek. Inisiatif menarik lain termasuk pengeluaran bateri hijau, penggunaan buluh yang inovatif dalam menggantikan plastik dan taman tanah paya negara. Sebagai perintis pembangunan hijau, Huzhou ialah satu-satunya zon demonstrasi kerjasama antarabangsa tamadun ekologi yang diiktiraf oleh Persidangan Pihak kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau COP15.

Acara ini telah disertai oleh lebih 300 hadirin dari 20 jurisdiksi.

Meningkatkan Pemprofilan SRI di Peringkat Antarabangsa

Sebagai pengawal selia pasaran modal yang berada di barisan hadapan dalam memperjuangkan SRI dan dengan pendekatan menyeluruhnya dalam membangunkan ekosistem SRI, SC mengambil bahagian dalam beberapa acara untuk berkongsi pengalaman dan pandangannya.

SC juga kerap dijemput untuk bercakap mengenai pelbagai topik kemampanan di persidangan tempatan dan antarabangsa. Ini termasuk acara seperti:

- Lawatan Sambil Belajar ke Malaysia oleh Delegasi Kenya pada 30 Januari 2024 di mana SC membentangkan Inisiatif SRI SC yang memberi tumpuan kepada Taksonomi SRI Berasaskan Prinsip. Lawatan sambil belajar mereka ke Malaysia telah dihoskan oleh Bank Dunia;
- Persidangan Peralihan Tenaga Borneo 2024 yang berlangsung pada 27 Februari, SC bertindak sebagai moderator bagi sesi panel bertajuk 'Mempercepatkan Projek Tenaga Baharu dengan Penyelesaian Pembiayaan Mampan'. Sesi ini membincangkan (a) elemen penting yang diperlukan ketika syarikat merangka pelan peralihan masing-masing, (b) contoh dunia sebenar syarikat yang memanfaatkan pelbagai rangka kerja kewangan mampan untuk mengumpul pembiayaan, (c) serta cara definisi, piawaian, dan taksonomi menyokong pencapaian cita-cita kemampanan Malaysia. Acara ini dianjurkan oleh MARC dan *SEDC Energy*;
- Seminar Serantau Mempromosikan Kewangan Hijau di ASEAN di Laos PDR pada 6 Mac 2024, di mana SC mengambil bahagian dalam panel yang merangkumi peranan penting pengawal selia dalam membuka kunci aliran kewangan hijau dan peralihan di ASEAN;
- Jurang Pembiayaan untuk Mencapai Matlamat Peralihan Karbon di ASEAN, anjuran Moody's pada 7 Mei 2024. SC mengambil bahagian sebagai ahli panel dalam perbincangan mengenai cabaran bagi negara-negara ASEAN yang mempunyai pergantungan tinggi pada sektor yang sukar dihentikan dan peranan kewangan peralihan dalam menyokong perjalanan penyahkarbonan mereka;

- Sidang Kemuncak Maya Etika Kewangan ASEAN 2024: Meningkatkan Kewangan Mampan pada 8 Mei 2024. SC mengambil bahagian sebagai ahli panel dalam sesi bertajuk '*COP Fireside: From Dubai to Baku – Driving Climate Finance*'. Sesi perbincangan santai ini membincangkan hasil utama untuk Malaysia pada COP 28 dari perspektif kewangan iklim;
 - *Asia Investor Group on Climate Change* (AIGCC) – Perbincangan Meja Bulat CMM mengenai Peralihan Tenaga Malaysia pada 16 Mei 2024. SC mengambil bahagian dalam perbincangan meja bulat yang berkongsi perspektif tentang cara menyokong pelaksanaan NETR Malaysia;
 - Perbincangan Meja Bulat *Blue Finance*: Bon, Sukuk dan Pinjaman anjuran bersama CMM dan International Finance Corporation (IFC), yang diadakan pada 17 Mei 2024 yang menyaksikan perbincangan mengenai potensi bon biru, sukuk dan pinjaman sebagai instrumen pembiayaan yang inovatif;
 - Membuka Kunci Aliran Pembiayaan Mampan untuk Kesan Alam Sekitar dan Sosial dalam Pasaran Baru Muncul: Pelajaran dari Asia Tenggara pada 6 Jun 2024, anjuran Perbendaharaan Bank Dunia dan Pendapatan Tetap SGX. Panel itu memberi tumpuan kepada peranan pengawal selia kewangan di Asia Tenggara untuk meningkatkan kewangan mampan termasuk sukuk dan bon SRI serta mengurangkan risiko iklim dan kemampanan dalam sistem kewangan;
 - Persidangan Kelestarian Antarabangsa Kuala Lumpur, dihoskan oleh Asia School of Business pada 7 Jun 2024 yang mana SC menyampaikan ucap tama, menggesa pengawal selia, syarikat, ahli akademik dan masyarakat sivil untuk bekerjasama dan menyelaraskan tindakan mereka untuk memacu perubahan yang bermakna;
 - Persidangan Hidrogen Hijau Asia Pasifik anjuran Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak pada 11 Jun 2024, menyaksikan SC menyampaikan ucap tama mengenai 'Mengurangkan risiko pelaburan ke dalam hidrogen hijau', serta menetengahkan kajian kes utama yang menunjukkan bagaimana Rangka Kerja Sukuk SRI telah membolehkan entiti Malaysia menerbitkan SRI sukuk dalam bentuk sukuk hijau, mampan dan sosial;
 - Forum Pemegang Amanah Bon dan Sukuk pada 1 Ogos 2024, anjuran bersama SC dan Persatuan Syarikat Pemegang Amanah Malaysia.
- SC menyertai sesi sebagai ahli panel dalam perbincangan bertajuk 'Kemampanan dan Integrasi ESG', yang merangkumi isu-isu seperti (a) memperluaskan dan memperdalam pasaran bon dan sukuk untuk menyokong pencapaian matlamat pembangunan mampan dan perubahan iklim Malaysia; (b) penyelarasan serta peningkatan ketelusan dalam pendedahan dan piawaian pelaporan berkaitan kemampanan; dan (c) memperkukuh tanggungjawab fidusiari serta mengurangkan risiko pencucian hijau dalam pelaburan mampan, termasuk taksonomi.
- Sidang Kemuncak Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) ke-6 2024: Sidang Kemuncak Tenaga Lestari Antarabangsa anjuran Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dari 20 hingga 21 Ogos 2024. SC bertindak sebagai moderator panel yang membincangkan kewangan mampan berasaskan ESG, merangkumi dasar yang menyokong, trend utama, serta produk kewangan inovatif; dan
 - Memperkasakan Niaga Hadapan Mampan: Strategi Pembiayaan SDG pada Sidang Kemuncak SDG Malaysia 2024 anjuran Pusat SDG Negara dan Kementerian Ekonomi pada 18 September 2024. SC mengambil bahagian dalam sesi panel yang membincangkan bagaimana pasaran modal Malaysia membiayai SDG.

PEMPROFILAN ANTARABANGSA

Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa, Forum Pasaran Modal Asean Dan Perdagangan Antarabangsa

Kerjasama pengawalseliaan antarabangsa

SC terus menunjukkan komitmen terhadap penggubalan dasar pengawalseliaan global dan penetapan piawaian antarabangsa dengan mengambil bahagian secara aktif dalam Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO), peneraju utama piawaian antarabangsa dalam pengawalseliaan sekuriti. Ahli-ahli IOSCO mengawal lebih daripada 95% pasaran modal dunia dalam kira-kira 130 yurisdiksi.

Pada Mac 2024, SC telah dipilih semula sebagai wakil APRC ke Lembaga Pentadbir IOSCO. Pemilihan semula SC ke Lembaga IOSCO adalah pengiktirafan terhadap sumbangan aktif SC dan menunjukkan sokongan dan keyakinan ahli IOSCO terhadap SC sebagai sebuah organisasi. Kedudukan SC dalam Lembaga IOSCO membolehkannya berada di barisan hadapan dalam

perbincangan kawal selia global dan penggubalan dasar dan mendapatkan cerapan yang relevan tentang isu kawal selia yang muncul yang memberi kesan kepada pasaran modal. Hubungan rapat dengan rakan pengawal selia antarabangsa turut membantu memperkukuh penanda aras jurisdiksi yang membentuk dasar domestik serta memastikan pendekatan kawal selia SC selaras dengan amalan terbaik global.

SC merupakan ahli Pasukan Petugas Kewangan Mampan (STF) IOSCO, dengan tumpuan kerja merangkumi pelaporan korporat (pendedahan maklumat berkaitan kemampunan dan jaminan kemampunan), mempromosikan pasaran karbon yang berfungsi dengan cekap, pendedahan pelan peralihan, serta produk kewangan hijau dalam pasaran pendapatan tetap dan penanda aras ESG. SC merupakan sebahagian daripada Kumpulan Kerja Penyelaras Kajian Semula Teknikal yang menilai draf piawaian pendedahan berkaitan iklim oleh ISSB, yang akhirnya membawa kepada pengesahan IOSCO terhadap piawaian pendedahan umum dan berkaitan iklim pada Jun 2023. IOSCO menyeru pengawal selia sekuriti untuk mempertimbangkan kaedah untuk menerima pakai, mengaplikasi, atau menjadikan Piawaian ISSB sebagai rujukan dalam konteks jurisdiksi mereka.

SC kemudiannya melancarkan NSRF pada September 2024 yang menangani penggunaan piawaian yang dikeluarkan oleh ISSB sebagai garis dasar untuk pelaporan kemampunan di Malaysia (rujuk halaman 114 Laporan Tahunan SC 2024). SC ialah ahli penting Jawatankuasa Dasar IOSCO mengenai Risiko Baru Muncul, Peraturan Pasaran Sekunder, Pelabur Runcit serta Jawatankuasa Penilaian. Berkenaan dengan Jawatankuasa IOSCO mengenai Risiko Yang Muncul, SC terlibat dalam pembangunan Tinjauan Risiko IOSCO 2025/26 yang mengkaji semula risiko global, arah aliran dan kelemahan serta implikasinya terhadap pasaran modal global bagi tahun tersebut. Dalam Jawatankuasa Pelabur Runcit IOSCO, SC terlibat dalam kerja yang berkaitan dengan pendidikan pelabur mengenai aset kripto dan mempengaruhi serta kesannya terhadap pelabur runcit.

Dalam Jawatankuasa Penilaian IOSCO, SC menyumbang kepada pembangunan Bahan Panduan untuk pengguna Metodologi Penilaian IOSCO bagi Menilai Pelaksanaan Objektif dan Prinsip Pengawalseliaan Sekuriti IOSCO.

SC juga merupakan ahli Rangkaian Pasaran Utama dan Rangkaian Kepelbagaian IOSCO. Melalui wacana dalam pelbagai forum ini, SC dapat memperoleh cerapan dan memanfaatkan pengalaman dan kepakaran pengawal selia yang berkaitan di pasaran lain.

Di rantau Asia Pasifik, SC terlibat secara aktif dalam Jawatankuasa Serantau Asia Pasifik, mengetuai dan mengambil bahagian dalam kumpulan kerja yang berbeza. Sebagai Pengerusi Kumpulan Kerja Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) APRC, SC menerbitkan Laporan mengenai pembiayaan PKS melalui pasaran modal serantau yang membincangkan keperluan pembiayaan PKS serantau dan mempertimbangkan cabaran dan penyelesaian untuk memudahkan pembangunan pembiayaan PKS yang berkesan dalam pasaran modal. Pada Jun 2024, SC menyertai Kumpulan Kerja Dalam Talian Penipuan APRC yang baru ditubuhkan untuk bertukar pengalaman bagi mengurangkan penipuan dan bahaya dalam talian, termasuk mengekang promosi produk tidak berlesen/ tidak berdaftar melalui platform media sosial. SC juga merupakan ahli Kumpulan Kerja SupTech APRC yang melihat isu dan cabaran kepada penyelesaian RegTech/ SupTech dalam jurisdiksi APRC.

Pada Forum Kawal Selia EU-Asia Pasifik tahunan yang diadakan sempena mesyuarat APRC pada bulan Februari, penggubal dasar kanan dari Suruhanjaya Eropah dan pengawal selia sekuriti Asia Pasifik membincangkan dasar utama dan perkembangan pasaran dalam rantau masing-masing. Ini termasuk bidang yang berkaitan dengan fintech (aset crypto, daya tahan operasi dan kepintaran buatan) dan Kewangan Mampan (pendedahan ESG, Taksonomi dan Kewangan Peralihan).

SC juga merupakan ahli utama Jawatankuasa Pasaran Berkembang dan Pertumbuhan (GEM) IOSCO, yang merangkumi 80% daripada keseluruhan keahlian IOSCO. Sebagai ahli Jawatankuasa Pemandu GEM dan ahli Kumpulan Kerja Pembangunan Pasaran GEMC, SC juga memprofilkan Pelan Hala Tuju SC untuk menggerakkan akses PKS kepada pasaran modal di Malaysia. Langkah ini bertujuan untuk membantu membentuk agenda GEMC masa depan dan perbincangan mengenai pembangunan pasaran pada mesyuarat tahunan GEMC yang berlaku pada bulan Disember.

Pada November 2024, SC bekerjasama dengan Persekutuan Bursa Dunia (WFE) untuk menganjurkan dialog di Kuala Lumpur. Diadakan bersama Mesyuarat Agung Tahunan ke-63 WFE, acara itu dihadiri oleh lebih 100 pengawal selia kanan dan ketua bursa untuk menangani isu-isu baru muncul dan menggalakkan kerjasama yang lebih kukuh dalam pasaran modal global. Dialog itu memberi tumpuan kepada tiga bidang penting: interaksi antara pasaran persendirian dan awam; peranan pengawal selia dan bursa dalam memajukan kewangan yang mampan; dan kesan teknologi baru muncul ke atas struktur pasaran.

Kerjasama Antarabangsa mengenai Penguatkuasaan, Penyeliaan dan Pengawasan Rentas Sempadan

Bidang keutamaan yang penting bagi SC ialah mengukuhkan kerjasama rentas sempadan dalam bidang penguatkuasaan dan penyeliaan. Sejak tahun 2007, SC telah menjadi penandatangani Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala (MMOU) IOSCO mengenai kerjasama dan pertukaran maklumat, yang membolehkan SC mendapatkan maklumat dan bukti berharga untuk menyokong tindakan penguatkuasaannya.

Pada tahun 2024, SC membuat kira-kira 20 permintaan untuk bantuan daripada rakan kawal selia antarabangnya di bawah IOSCO MMOU. Penyelarasan kukuh dengan pengawal selia sekuriti antarabangsa melalui rangkaian perkongsian maklumat global ini telah mengukuhkan keupayaan penguatkuasaan SC dalam menangani salah laku pasaran rentas sempadan.

Menyedari kepentingan perkongsian pengalaman dalam bidang penyeliaan, penguatkuasaan dan pengawasan merentas sempadan, SC mengambil bahagian dalam Mesyuarat Pengarah Penyeliaan APRC dan mesyuarat Pengarah Penguatkuasaan. Pada Jun, SC juga mempengerusikan Dialog Pengawasan Pasaran Serantau Asia Pasifik di Kuala Lumpur di mana perbincangan tertumpu pada antaranya kesan media sosial terhadap aktiviti dagangan serta perkembangan kawal selia ke atas aset digital.

Memperkuhkan Kapasiti Kawal Selia melalui Hab Asia Pasifik IOSCO

Hub Asia Pasifik IOSCO (Hab), yang ditubuhkan di Kuala Lumpur pada tahun 2017, terus menyampaikan aktiviti pembinaan kapasiti untuk pengawal selia sekuriti di seluruh dunia. Dihoskan oleh SC, Hab mewakili satu-satunya kehadiran IOSCO di luar ibu pejabatnya di Madrid, Sepanyol. Sejak penubuhannya, Hab telah memainkan peranan penting dalam membina keupayaan pengawalseliaan ahli IOSCO, dengan lebih daripada 2,500 peserta telah mendapat manfaat daripada program Hab.

Pada tahun 2024, program pembinaan kapasiti Hab meliputi bidang berkaitan Peraturan Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pembiayaan Antikeganasan untuk Aset Maya dan Pembekal Perkhidmatan Aset Maya (kerjasama dengan Pasukan Petugas Tindakan

Kewangan), Bengkel IOSCO-Bank Dunia mengenai Pelan Hala Tuju Penerapan Laporan Kemampanan, Pengawasan Pasaran: Trend dan Alat Baru Muncul, Membanteras Penipuan dan Penipuan Dalam Talian, Pendekatan Jurisdiksi dalam kawal selia Kripto dan Aset Digital serta Kewangan Terdesentralisasi, serta Ketahanan Operasi: Pengajaran untuk Pengawal Selia daripada gangguan CrowdStrike.

Melangkah ke hadapan, bagi terus menyokong usaha pembinaan kapasiti, Hab akan berusaha untuk bekerjasama dengan organisasi dan entiti antarabangsa yang lain, menyediakan bantuan teknikal, menghasilkan serta mengedarkan taklimat pendidikan dan prosiding seminar mengenai topik yang berkaitan dengan pasaran modal.

Memacu Kewangan Mampan dalam Pasaran Modal ASEAN

SC menjadi peserta aktif dalam Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) sejak penubuhannya pada tahun 2004. Khususnya, SC telah memainkan peranan penting dalam membimbing agenda kewangan mampan ACMF melalui peranannya sebagai Pengerusi Bersama Kumpulan Kerja Kewangan Mampan ACMF (SFWG), yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penerbitan *Piawaian Bon Hijau, Sosial, Kemampanan, dan Berkaitan Kemampanan ASEAN*, serta *Piawaian Dana Mampan dan Bertanggungjawab ASEAN* dari tahun 2018 hingga 2022.

Pada tahun 2024, SC meneruskan sumbangannya dalam bidang Kewangan Mampan ASEAN melalui usahanya terhadap *Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan*, yang melancarkan Versi 3 pada bulan Mac. Kriteria Saringan Teknikal (TSC) yang dikeluarkan dalam Versi 3 menggariskan kriteria kuantitatif untuk dua sektor tumpuan tambahan, iaitu (i) Pengangkutan dan Penyimpanan; dan (ii) Pembinaan dan Hartanah, menjadikan jumlah sektor tumpuan yang diliputi oleh Taksonomi ASEAN kepada tiga. Sektor tumpuan baharu merangkumi antaranya aktiviti seperti pembinaan dan pengubahsuaian bangunan, perobohan dan penyediaan tapak, pemerolehan dan pemilikan bangunan, pengangkutan bandar dan barangan, serta infrastruktur untuk pengangkutan darat, air, dan udara.

Peringkat Hijau bagi sektor tumpuan baharu ini telah diselaraskan, selaras dengan garis panduan dan peraturan sektor yang relevan (contohnya, Strategi

Pelepasan GHG 2023 Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), pensijilan bangunan Hijau antarabangsa) untuk memastikan Taksonomi ASEAN kekal berwibawa, boleh beroperasi, dan inklusif sambil mengurangkan fragmentasi peraturan. Peringkat Hijau Taksonomi ASEAN terus merujuk kepada taksonomi antarabangsa yang digunakan secara meluas seperti Taksonomi EU dan jika berkaitan, akan disesuaikan mengikut keadaan unik ASEAN. Peringkat Amber berfungsi sebagai kategori peralihan, menyediakan batu loncatan yang berguna untuk syarikat mempelajari dan menyesuaikan aktiviti mereka untuk mendapatkan peringkat hijau.

SC telah bekerjasama rapat dengan rakan pengawal selia di rantau ini, termasuk BNM, untuk memastikan Taksonomi ASEAN selaras dengan garis panduan dan piawaian sedia ada, seperti Taksonomi SRI Berasaskan Prinsip yang dikeluarkan oleh SC dan Taksonomi Perubahan Iklim Berasaskan Prinsip (CCPT) yang dikeluarkan oleh BNM. Versi 3 Taksonomi ASEAN telah melalui proses perundingan dengan pihak berkepentingan pada separuh kedua tahun 2024, dengan TSC untuk versi akan datang sedang dalam perancangan untuk dibangunkan.

ACMF juga mengeluarkan *Panduan Kewangan Peralihan ASEAN (ATFG) Versi 2* pada 22 Oktober 2023, yang membincangkan cara sesebuah entiti boleh menilai dan/atau menunjukkan peralihan yang boleh dipercayai. Berikutan pelancaran versi pertama ATFG pada Oktober 2023, ACMF telah menjalankan proses perundingan dengan pihak berkepentingan yang disasarkan, yang membawa kepada pengenalan beberapa elemen utama untuk memperjelas dan menyesuaikan ATFG dengan keperluan ASEAN.

Penambahan utama merangkumi penjelasan terperinci tentang jenis kewangan peralihan yang tersedia dan diliputi oleh ATFG, serta panduan mengenai penggunaan dan penambahbaikan laluan rujukan sedia ada dalam konteks ASEAN.

Pada Oktober 2024, SC secara rasmi mengambil alih jawatan Pengerusi ACMF daripada Pejabat Suruhanjaya Sekuriti Lao (LSCO) bagi tahun 2025. Dengan visi untuk pasaran modal ASEAN yang lebih saling berkaitan, SC berhasrat menjalankan tugas sebagai pengerusi dengan penekanan pada kemampanan dan keterangkuman, sambil memanfaatkan kekuatan utama ASEAN dalam pertumbuhan, faedah demografi, dan nisbah penjimatan kepada KDNK.

Memperkukuh Kepimpinan Serantau: Forum Pasaran Bon ASEAN+3 ke-41

Dari 28 hingga 30 Oktober 2024, Malaysia menjadi tuan rumah Forum Pasaran Bon ASEAN+3 (ABMF) ke-41, buat pertama kali sejak acara ini dimulakan pada tahun 2010. Forum ini dianjurkan bersama oleh SC dan Bank Pembangunan Asia (ADB) dan dirasmikan oleh Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, MOF. Diadakan di SC, forum ini menghimpunkan lebih 180 peserta, termasuk penggubal dasar, pengawal selia, dan pemimpin kewangan dari negara-negara ASEAN+3. Bertemakan 'Kewangan Mampan dan Peranan Etika', forum ini menyediakan platform untuk membincangkan kewangan mampan, integrasi pasaran bon serantau, serta penyelesaian rentas sempadan, selaras dengan persediaan Malaysia untuk menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2025.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi SC Dato' Mohammad Faiz Azmi menekankan bahawa kewangan harus melangkaui angka semata-mata dan berfungsi sebagai kuasa pemangkin perubahan etika yang mampan. Beliau mengutarakan kepimpinan Malaysia dalam memajukan kewangan mampan melalui rangka kerja yang inovatif seperti Rangka Kerja Sukuk SRI, *Panduan Maqasid Al-Syariah*, dan MyCIF. Inisiatif-inisiatif ini menunjukkan komitmen SC untuk memupuk keterangkuman, membina ekosistem kewangan yang beretika, serta menangani cabaran kemampanan serantau.



Sorotan utama forum ialah sesi perbualan santai antara Pengerusi SC dan Ken Shibusawa, cicit kepada Eiichi Shibusawa, tokoh yang dikenali sebagai bapa kapitalisme Jepun. Sesi yang disiarkan secara langsung secara global ini menekankan keperluan untuk menyepadukan nilai etika ke dalam amalan kewangan untuk menangani cabaran iklim dan membina daya tahan ekonomi.

Forum ini mengukuhkan lagi peranan Malaysia sebagai hab bagi pasaran bon dan sukuk, sambil membincangkan cabaran utama di peringkat serantau dan global, termasuk penyertaan sektor swasta yang terhad dalam inisiatif kemampanan serta jurang pembiayaan untuk infrastruktur mampan. Dengan menyokong penyelesaian seperti kewangan gabungan dan kerjasama melalui platform seperti Taksonomi ASEAN, Malaysia menunjukkan komitmennya dalam memajukan penyelesaian kewangan yang mampan dan inklusif di rantau ini. Ketika Malaysia bersiap sedia untuk memegang jawatan Pengerusi ASEAN pada tahun 2025, SC komited untuk memperkukuh kerjasama dan mempromosikan inovasi dalam kewangan mampan.

KOMUNIKASI DAN JANGKAUAN

Batik Lestari: Merapatkan Pasaran Modal dan Industri Kreatif untuk Memperkasa Artisan Batik PMKS

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim menekankan kepentingan batik dan keperluan untuk mempromosikan warisan seni kraf ini. Menyedari hal ini, Perdana Menteri meminta SC untuk menerajui dalam mempromosikan dan memperjuangkan warisan batik Malaysia, sejajar dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025. Inisiatif ini memperkenalkan Batik Lestari, sebuah nama yang mencerminkan komitmen untuk memelihara warisan budaya batik Malaysia.


Untuk pertama kalinya, SC telah bekerjasama dengan MyCreative Ventures Sdn Bhd (MyCV) dalam mengukuhkan hubungan antara pasaran modal dan industri kreatif untuk memperkasakan artisan batik dalam perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS).

'Lestari' ialah perkataan Melayu yang bermaksud 'berkelanjutan' atau 'terpelihara'. Ia merujuk kepada sesuatu yang dapat dikekalkan atau dipelihara untuk jangka masa panjang, biasanya dengan cara yang mesra alam atau bertanggungjawab. Batik Lestari merangkumi konsep ini dengan bertujuan untuk menetengahkan

dan mempromosikan kekayaan warisan dan kesenian batik Malaysia.

Festival Batik Lestari telah dirasmikan oleh Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail di SC pada 5 Disember. Sorotan acara termasuk bengkel batik selama dua hari yang memperkenalkan peserta kepada proses pembuatan batik dan pameran oleh 20 vendor batik, yang menghubungkan artisan dengan pelanggan korporat untuk mengembangkan capaian pasaran mereka.

Pengerusi SC Dato' Mohamad Faiz Azmi mengumumkan rancangan tiga tahun untuk meluaskan lagi skop dan impak inisiatif Batik Lestari. Rancangan ini menekankan komitmen berterusan SC untuk menyokong artisan batik PMKS. Dengan menyelaraskannya dengan agenda ASEAN, Batik Lestari mengukuhkan kehadiran budaya Malaysia sambil membolehkan artisan batik mengakses pasaran dan peluang ekonomi yang lebih luas.



Acara pada waktu malam menampilkan pertandingan pertunjukan fesyen 'Malam Batik Lestari', meraikan bakat yang pelbagai serta menyokong usahawan batik Malaysia yang akan datang dan memberi mereka platform untuk memartabatkan hasil seni mereka. Pemenang pertandingan termasuk tiga reka bentuk teratas, lima anugerah sagu hati, dan dua pengiktirafan kelestarian batik. Terdapat lebih daripada 80 penyertaan yang telah dinilai oleh tujuh panel juri, berdasarkan keseluruhan persembahan, keaslian budaya dan kreativiti dalam penerapan elemen motif di Malaysia.



Pada 6 Disember, festival diteruskan dengan sesi pembiayaan ECF dan P2P, memberikan vendor batik PMKS cerapan mengenai pilihan pembiayaan alternatif seperti pinjaman rakan setara dan pembiayaan untuk memupuk pertumbuhan mampan bagi perniagaan mereka. Selain itu, MyCV meningkatkan kesedaran dan peluang melalui platform agensinya seperti geran dan khidmat nasihat, yang disesuaikan untuk membantu perkhidmatan kreatif.

Perbincangan Lembaga Pemantauan Audit SC dengan Jawatankuasa Audit

Untuk menambah baik tadbir urus korporat dalam syarikat tersenarai awam dan meningkatkan keyakinan pelabur terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit, libat urus dengan jawatankuasa audit (AC) menjadi bidang tumpuan utama bagi Lembaga Pemantauan Audit (AOB). AC memainkan peranan penting dalam proses pelaporan kewangan melalui pengawasan mereka terhadap pelaporan kewangan dan proses audit.

AC juga memainkan peranan penting dalam menetapkan asas untuk proses pelaporan kewangan syarikat dan hubungan dengan juruaudit bebas. AC yang berpengetahuan dan bebas adalah penting untuk meningkatkan kualiti audit dengan pengawasan yang berkesan. Menyedari perkara ini, AOB berusaha memastikan bahawa AC dimaklumkan dengan

secukupnya dan dilengkapi dengan maklumat yang relevan untuk melaksanakan tanggungjawab pengawasan mereka ke atas juruaudit dan proses audit dengan berkesan.

Kemampuan merupakan salah satu fokus perbincangan dengan AC. SC, melalui penglibatannya dalam ACSR, memainkan peranan penting dalam pelancaran NSRF, yang merangka pendekatan Malaysia untuk pelaporan kemampuan, menggunakan piawaian pendedahan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Kemampuan Antarabangsa (Piawaian ISSB) serta rangka kerja untuk jaminan kemampuan.

Selain perbincangan yang kerap dengan AC, AOB juga berkongsi Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB dengan AC dan baru-baru ini telah memulakan penyediaan maklumat yang lebih disasarkan melalui e-buletin *AOB Alert*. Tersedia di laman web SC, buletin tersebut bertujuan untuk menyediakan AC dengan perkembangan terkini tetap mengenai perkara yang mempengaruhi pelaporan kewangan dan kualiti audit.



Pendidikan dan Kesedaran Pelabur

Pada 2024, SC terus melaksanakan inisiatif pendidikan pelaburnya melalui jenama InvestSmart®. Ini dilakukan melalui pelbagai inisiatif InvestSmart® dan kerjasama dengan pihak berkepentingan utama untuk mendekati orang awam dan mengenal pasti komuniti sasaran termasuk golongan rentan. Ini dilakukan melalui interaksi di lapangan dengan pelabur, memanfaatkan media sosial, media digital dan platform lain untuk meningkatkan pengetahuan tentang literasi pelaburan, kepentingan perancangan persaraan, dan kesedaran mengenai aktiviti tanpa lesen dan penipuan.

InvestSmart® menganjurkan acara utama tahunan berskala besarnya sendiri yang berperanan untuk menyediakan dan memupuk pelabur dengan pengetahuan pelaburan. Terdapat dua acara seperti itu dijalankan setiap tahun, acara pertama, biasanya diadakan pada awal tahun ini dianjurkan di luar Lembah Klang dan yang terakhir, secara dalaman.

Aktiviti lain InvestSmart® di lapangan termasuk InvestSmart®@SC, libat urus bersemuka, acara kerjasama InvestSmart® dengan rakan kongsi strategik seperti Karnival Celik Kewangan oleh Financial Education Network (FEN) BNM, Minggu Saham Amanah Malaysia oleh Permodalan Nasional (PNB), Bursa Marketplace dan banyak lagi.

Pesta InvestSmart® 2024

SC, melalui inisiatif pemerkasaan pelaburnya, InvestSmart®, menganjurkan acara pendidikan pelabur utama tahunannya Pesta InvestSmart® 2024 (ISF 2024) dari 11 hingga 13 Oktober 2024 di Dewan 2 dan 3, Pusat Pameran Mid Valley (MVEC), Mid Valley Megamall. Pesta yang diadakan setiap tahun sejak tahun 2014, ini bertujuan untuk menggalakkan kesedaran yang lebih tinggi tentang produk dan perkhidmatan pasaran

modal, keputusan pelaburan termaklum, kesedaran tentang hak dan tanggungjawab sebagai pelabur, perancangan kewangan yang lebih baik dan penyertaan yang lebih besar dalam pasaran modal.

ISF 2024 mengetengahkan mesej utama termasuk kepentingan perancangan persaraan, kebimbangan yang timbul mengenai finfluencer dan implikasinya, serta kesedaran tentang akaun bank keldai.

Diadakan sempena Minggu Pelabur Sedunia IOSCO 2024 dan Bulan Literasi Kewangan 2024, tema pada tahun 2024 ialah Bijak Labur Hidup Makmur.

Acara ini dirasmikan oleh Yew Yee Tee, Pengarah Eksekutif dan Ketua Kaunsel Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 11 Oktober 2024. Semasa acara perasmian, SC dan Bursa Malaysia, mengambil bahagian dalam kempen 'Ring the Bell for World Investor Week'. Acara pembukaan ini turut menampilkan penampilan istimewa oleh Douglas Lim, seorang pelawak tempatan untuk melancarkan video antipenipuan baharu oleh InvestSmart®.

ISF 2024 telah menarik lebih daripada 21,000 pengunjung, yang merupakan rekod tertinggi sejak pesta InvestSmart® tahunan pertama kali diadakan pada tahun 2014. Acara ini mendapat sambutan baik daripada orang ramai 43 pempamer yang terdiri daripada institusi pasaran modal, persatuan, pemain industri, serta agensi kawal selia dan kerajaan yang berkaitan. Acara tiga hari ini mempamerkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengantara pasaran modal termasuk saham, bon, unit amanah, skim persaraan swasta, pembiayaan ECF dan P2P, pengurusan pelaburan digital (DIM) dan pertukaran aset digital (DAX).

ISF 2024 menampilkan 23 ceramah dan perbincangan panel oleh pakar industri terkemuka yang berkongsi pandangan mereka tentang pasaran modal Malaysia dan peluang pelaburan yang tersedia. Sesi ini juga



diarkakan secara langsung di saluran Facebook dan YouTube InvestSmart® untuk mencapai tontonan yang lebih luas.

Dalam usaha mengalakkan penglibatan dan interaksi pengunjung, 'zon antipenipuan' khusus diperkenalkan buat pertama kali yang menampilkan SC, Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) dan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC). Ia berfungsi sebagai pusat sehati untuk pengunjung mengetahui lebih lanjut tentang trend penipuan semasa dan cara melindungi diri mereka. Terdapat juga sudut ruang komik yang memaparkan maskot InvestSmart® dengan kandungan yang memperincikan penipuan pelaburan terkini.

Seperti beberapa tahun lepas, SC dengan kerjasama Persatuan Perancang Kewangan Malaysia (FPAM) dan Majlis Perancang Kewangan Malaysia (MFPC) menyediakan sesi perundingan perancangan kewangan selama sejam secara percuma dengan perancang kewangan berlesen di bawah inisiatif #FinPlan4u®. Inisiatif ini telah menarik 367 penglibatan daripada orang ramai.

Bersama InvestSmart® @ Johor 2024

Bersama InvestSmart® ialah acara pendidikan pelabur utama tahunan SC untuk pelabur runcit di luar Lembah Klang. Acara yang mempunyai objektif yang sama seperti Pesta InvestSmart® sebelum ini diadakan di Kota Kinabalu pada tahun 2019, Kuching pada tahun 2022, dan Pulau Pinang pada tahun 2023.

Bagi 2024, Bersama InvestSmart® telah diadakan di Johor dari 17 hingga 19 Mei di Dewan Pameran Mid Valley, Mid Valley Southkey, Johor Bahru, mempamerkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengantara pasaran modal sambil menampilkan seminar yang dikendalikan oleh pakar industri terkemuka. Sejumlah 38 pempamer termasuk pengawal selia pasaran modal, pengantara berlesen dan berdaftar, ahli gabungan dan badan kerajaan menyertai acara selama tiga hari ini, yang menarik lebih 13,500 pengunjung.

Kaunter perkhidmatan #FinPlan4u® turut disediakan yang menarik 160 pengunjung bagi mendapat perundingan bersemuka secara percuma daripada perancang kewangan berlesen.



Klinik Digital Bersemuka Untuk Golongan B40 Termasuk Warga Emas – Klinik Silap Labur Duit Lebur

Pada 2024, SC bekerjasama dengan Pepper Labs Sdn Bhd, sebuah perusahaan sosial yang berpengalaman dalam berinteraksi dengan komuniti terpinggir dan golongan B40 serta usahawan mikro untuk menjalankan program ini, yang direka untuk meningkatkan kesedaran mengenai penipuan dan aktiviti tidak berlesen yang dipromosikan dalam talian melalui platform media sosial. Program ini berjaya mencapai 2,130 peserta melalui 64 sesi di 50 lokasi berbeza.



Program Agen Bijak Labur Desa

Pada 2024, SC bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan (KPM) untuk melancarkan program Agen Bijak Labur Desa (ABJAD) yang menyasarkan 7,500 penduduk luar bandar di seluruh negara dengan objektif berikut:

- Mewujudkan masyarakat luar bandar yang celik kewangan dengan meningkatkan kesedaran mereka tentang penipuan dan skim haram, seterusnya memperkasakan mereka untuk melindungi kekayaan mereka sendiri.
- Meluaskan kesedaran masyarakat luar bandar berhubung dengan produk pelaburan untuk membina kekayaan mereka.
- Meningkatkan literasi digital penduduk luar bandar untuk menggalakkan penggunaan teknologi, khususnya berkaitan perkhidmatan kewangan digital, dan memastikan mereka bersedia menghadapi cabaran-cabaran tertentu.

KPM membantu mengenal pasti lebih 20 sekolah menengah luar bandar untuk menyertai program ABJAD. Ini dilakukan menggunakan pendekatan 'melatih pelatih' yang mana guru dan pelajar dari sekolah yang dikenal pasti dilatih untuk menjadi 'Agen Perubahan' dalam menyebarkan kesedaran antipenipuan kepada ahli keluarga dan orang dewasa lain dalam komuniti mereka.

SC juga bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk memanfaatkan inisiatif sedia ada KKDW dengan masyarakat luar bandar. SC bekerjasama dengan 191 Pusat Komuniti Desa (PKD) untuk melancarkan program ABJAD dan juga mengambil bahagian dalam acara Pusat Komuniti Desa Mobile Negeri Sarawak KKDW di Miri dan di Tampin, Negeri Sembilan, untuk sesi libat urus dengan komuniti luar bandar, termasuk pemimpin komuniti. Kedua-dua lokasi ini menarik lebih daripada 3,100 pengunjung.

Siri InvestSmart® Online

Siri *InvestSmart® Online* ialah webinar yang menyediakan orang ramai dengan pengetahuan tentang asas produk dan perkhidmatan pasaran modal dan kesedaran tentang penipuan dan aktiviti tidak berlesen. Dua webinar diadakan di bawah siri ini:

(a) Minggu Wang Global OECD 2024

Sempena Minggu Wang Global OECD 2024, InvestSmart® menganjurkan webinar dalam talian dengan Universiti dan Kolej Segi pada 20 Mac 2024. Webinar bertajuk 'Silap Labur Duit Lebur' menarik 65 pelajar.



(b) **Minggu Pelabur Dunia IOSCO**

Sempena Minggu Pelabur Dunia IOSCO 2024, InvestSmart® menganjurkan webinar dalam talian untuk orang ramai pada 8 Oktober 2024. Webinar ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai bidang yang semakin diminati iaitu pelaburan mampan untuk pelabur runcit. Webinar ini dihadiri oleh 63 peserta.

InvestSmart® @SC - Program Celik Kewangan

InvestSmart® meneruskan program literasi kewangan suku tahunan di lapangan yang diadakan di premis SC. Program-program ini memberi pendedahan kepada kumpulan sasaran mengenai pengurusan kewangan yang berkesan, pelaburan, dan cara-cara untuk mengelak daripada menjadi mangsa penipuan.

Program tersebut adalah seperti berikut:

- Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Ampang Hilir – Sesi yang diadakan pada 25 Mei 2024 mencapai 84 warga emas berumur 55 tahun ke atas.
- Ahli dari Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia, Bahagian Negeri Selangor – Sesi ini diadakan pada 22 Jun 2024 dan dihadiri oleh 108 warga emas berumur 55 tahun ke atas.
- Pelajar dari Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TARMC) – Pada 27 September 2024, InvestSmart® bekerjasama dengan *Bursa Young Investor Club* (BYIC) yang dihadiri oleh lebih 80 pelajar.





- Pekerja gig; khususnya penunggang motosikal dan pemandu GRAB – Diadakan pada 16 November 2024, seramai 269 yang mengambil bahagian dapat manfaat daripada topik mengenai kesedaran pelaburan dan penipuan.
 - Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam dan Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur – Pada 30 November 2024, sesi ini telah dihadiri oleh 117 pelajar.
- Bekerjasama dalam penyampaian teks khutbah Jumaat mengenai penipuan dan aktiviti tidak berlesen di semua masjid dan surau yang mengadakan solat Jumaat berjemaah di Selangor.
 - Menyebarkan mesej antipenipuan kepada semua masjid dan surau melalui platform media sosial dan buletin (bercetak dan dalam talian).

Program Kesedaran kepada Pemimpin Masyarakat

Kesedaran dan libat urus melalui pemimpin masyarakat adalah cara yang berkesan untuk mendekati orang ramai. Pada tahun 2024, SC melaksanakan perkara berikut melalui inisiatif ini:

- Pada 14 Ogos 2024, InvestSmart® telah dijemput untuk menjadi moderator bagi forum sempena mesyuarat luar lokasi Majlis Penasihat Syariah SC yang diadakan di Masjid Sultan Ahmad Shah 1, Kuantan. Forum mengenai 'Salah Label Syariah' itu menampilkan Mufti Pahang, Mufti Selangor dan seorang lagi ahli Majlis Penasihat Syariah SC. Forum ini dihadiri 300 peserta terdiri daripada penceramah agama berdaftar, imam-imam di daerah Kuantan dan orang ramai. Forum yang turut disiarkan secara langsung di Facebook itu mendapat kira-kira 2,700 tontonan.
- Dengan kerjasama para pemimpin agama komuniti, InvestSmart® turut melaksanakan perkara berikut:
 - Menjalankan program Melatih Pelatih (TTT) kepada penceramah agama berdaftar (Pemegang Tauliah Berdaftar) bersama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
 - Pada 28 September 2024, SC memberi ceramah mengenai penipuan pelaburan pada mesyuarat fellowship yang dihoskan di Gereja St. Paul, Petaling Jaya. Lebih 70 peserta menghadiri sesi 'Penipuan Pelaburan: Pendedahan'.
 - Pada November 2024, mengedarkan poster mengenai '5 langkah untuk mengelak daripada menjadi mangsa penipuan' dan 'trend penipuan pelaburan terkini' ke kuil-kuil (Kuil Court Hill Sri Ganesar, Jalan Pudu, KL dan Kuil Sri Subramaniam Swamy, Batu Caves, KL). Poster-poster ini diedarkan kepada pengunjung kuil tersebut.

Program My Money & Me 2024 oleh Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC)

InvestSmart® sekali lagi menyertai Program 'My Money & Me' MFPC untuk tahun 2024. *My Money & Me* ialah program literasi pelaburan oleh MFPC yang menyasarkan golongan belia. MFPC menganjurkan bengkel fizikal di enam lokasi di seluruh negara. SC mengambil bahagian dalam lima daripada enam sesi yang menarik lebih 1,437 peserta.



InvestSmart® @ Pusat Sains Negara

InvestSmart® bekerjasama dengan Pusat Sains Negara (NSC) untuk berinteraksi dengan ibu bapa dan kanak-kanak sebanyak tiga kali pada 2024:

- 9 Mac 2024: Van mudah alih InvestSmart® berada di lokasi semasa cuti sekolah untuk berinteraksi dengan orang ramai untuk menyebarkan pengetahuan pelaburan dan mesej antipenipuan. Inisiatif ini telah menarik lebih 2,250 ibu bapa dan kanak-kanak.
- 25-26 Jun 2024: InvestSmart® telah dijemput ke Hari Istimewa Sains mereka. Acara ini disertai oleh pelajar universiti dan persatuan orang kelainan upaya yang dikenal pasti. Acara ini dirasmikan oleh Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada 25 Jun 2024 dan disertai oleh 2,913 peserta.
- 14 September 2024: Semasa cuti sekolah, InvestSmart® sekali lagi meletakkan vannya di lokasi dan menarik lebih 5,815 ibu bapa dan kanak-kanak.

Hari Terbuka InvestSmart® @ Grab Driver Centre

Hari terbuka itu merupakan platform libat urus antara Grab dan rakan kongsi pemandunya untuk mempersiapkan mereka dengan pengetahuan kewangan

yang penting. InvestSmart® mengambil bahagian dalam inisiatif ini di bawah payung FEN dan mengambil ruang gerai dan menyediakan penceramah untuk memberikan pandangan tentang pendidikan pelabur dan kesedaran antipenipuan melalui pembentangan bertajuk 'Semak Sebelum Labur'. InvestSmart® berinteraksi dengan lebih 1,000 peserta dari 24 hingga 25 Februari 2024.

InvestSmart® X Program Madani Rakyat 2024

Pada 2023, Pejabat Perdana Menteri menganjurkan acara tiga hari untuk berkomunikasi dan meningkatkan pemahaman orang ramai tentang dasar kerajaan. Pelbagai kementerian termasuk Kementerian Kewangan (MOF) telah dijemput untuk menyediakan gerai pada acara tersebut. Pada 2024, MOF menganjurkan tujuh acara di seluruh negara dan InvestSmart® menyertai lima acara:

- Zon Utara di Pulau Pinang dari 3 hingga 5 Mei. InvestSmart®, bersama-sama dengan lima institusi/agensi lain menyertai MOF di gerainya. MOF mengetengahkan kesedaran antipenipuan SC sebagai salah satu tumpuan utama semasa acara itu. Acara tiga hari ini menarik lebih 170,000 pengunjung.
- Program MADANI Rakyat 2024 Zon Selatan telah diadakan pada 15 hingga 17 Ogos di Dataran UTM Skudai, Johor Bahru, dan menarik 223,048 pengunjung.



- Program MADANI Rakyat 2024 Sarawakku Sayang telah diadakan dari 27 hingga 29 September di Perkarangan Boulevard Mall, Miri dan menarik lebih 301,000 pengunjung.
- Program MADANI Rakyat Sabah telah diadakan pada 18 hingga 20 Oktober di Perkarangan Stadium Likas, Kota Kinabalu. Acara ini menarik lebih 485,000 pengunjung selama tiga hari.
- Program MADANI 2 Tahun telah diadakan dari 22 hingga 24 November di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan menarik 223,047 pengunjung.

InvestSmart® X Bursa Marketplace Fair 2024

Dari 11 hingga 12 Mei 2024, InvestSmart® membuka gerai di 'Bursa Marketplace Fair 2024' Bursa Malaysia. Acara ini bertujuan mendidik dan meningkatkan pemahaman dan pengetahuan pelabur tentang pasaran modal dan memenuhi semua segmen pelabur. Acara yang diadakan di Pusat Beli Belah Suria Sabah, Kota Kinabalu ini berjaya menarik 2,000 pengunjung.

Dari 9 hingga 10 November 2024, InvestSmart® menyertai Bursa Marketplace Fair di Viva City Megamall, Kuching, Sarawak yang menarik 15,734 orang.



InvestSmart® X di Karnival Saham Perlis

Pada 19 Oktober 2024, InvestSmart® telah dijemput untuk menyertai bersama-sama BNM di bawah sepanduk FEN di Karnival Saham Perlis – Bersama Bursa Malaysia. Acara ini telah dirasmikan oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan menarik 1,556 pengunjung.

InvestSmart® X Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan

Cyber Security Malaysia menganjurkan Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan dan menjemput InvestSmart® untuk menyertai tiga acara pada tahun 2024 iaitu pada 6 Mei yang diadakan di Johor, 27 Jun di Kedah dan 13 November di Perak. InvestSmart® menyertai program ini sebagai penceramah panel bersama BNM dan Polis Diraja Malaysia untuk membincangkan topik mengenai penipuan dan aktiviti tidak berlesen. Ketiga-tiga acara ini menarik seramai 1,300 pengunjung.

Hari Kesejahteraan Kewangan InvestSmart® X 2024

Pada 2 April 2024, InvestSmart® membuka gerai di Hari Kesejahteraan Kewangan Sime Darby untuk mendidik kakitangan Sime Darby sebelum pembayaran bonus mereka menangani kebimbangan kewangan dalam kalangan pekerja dan memupuk budaya literasi kewangan. Acara ini dihadiri oleh kira-kira 700 kakitangan.



InvestSmart® X E-Duit Desa Kundasang, Sabah

Program eDuit Desa ialah inisiatif BNM untuk meningkatkan penggunaan transaksi tanpa tunai di kawasan luar bandar. Program ini merangkumi program literasi kewangan untuk melengkapkan peniaga dan penduduk tempatan dengan kemahiran pengurusan kewangan bagi menuju ke arah masyarakat tanpa tunai. InvestSmart® telah dijemput untuk menyertai program mereka di Kundasang, Sabah, pada 2 Jun 2024. SC telah memberi ceramah ringkas tentang kesedaran antipenipuan bertajuk 'Silap Labur Duit Lebur'. Acara ini mengumpulkan 203 peserta.



Minggu Saham Amanah Malaysia 2024

Dianjurkan oleh PNB sejak tahun 2000, edisi ke-23 Minggu Saham Amanah (MSAM) 2024 telah diadakan di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC), Shah Alam, dari 22 hingga 25 Ogos 2024. Acara tahunan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik orang ramai tentang pelaburan dalam unit amanah, mempamerkan produk pelaburan dan syarikat pelaburan PNB serta menekankan persekitaran kawal selia dan perniagaan di mana industri unit amanah beroperasi. Pada acara ini, PNB juga mewujudkan bahagian khusus untuk FEN yang menampilkan gerai oleh ahli dan rakan kongsinya, termasuk InvestSmart®. Acara ini telah menarik lebih 200,000 pengunjung selama lima hari.

Karnival Celik Kewangan 2024 X InvestSmart®

Kuantan

Dari 6 hingga 7 Julai 2024, InvestSmart® telah dijemput ke Karnival Celik Kewangan BNM di East Coast Mall, Kuantan, Pahang sebagai sebahagian daripada

kawasan 'FEN Street', di mana setiap ahli FEN diberikan gerai khusus. Pasukan InvestSmart® menjangkau lebih 200,000 pengunjung sepanjang acara dua hari itu.

Sarawak

Dari 15 hingga 17 November 2024, InvestSmart® menyertai Karnival Celik Kewangan BNM di Viva City Megamall, Kuching, Sarawak, sebagai sebahagian daripada 'FEN Street'. Acara ini menarik 22,400 pengunjung selama tiga hari.

InvestSmart® X Festival Belia Pahang 2024

Sempena Hari Belia Peringkat Negeri Pahang anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS), InvestSmart® telah dijemput ke Festival Belia Pahang 2024 dari 26 hingga 28 Julai 2024 di Dataran Wisma Belia, Indera Mahkota, Kuantan. Acara ini menghimpunkan belia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun. Dalam acara ini, pasukan InvestSmart® meningkatkan kesedaran tentang penipuan pelaburan kepada 70,000 pengunjung yang menghadiri acara tiga hari itu.



InvestSmart® X di Festival PJ Startup 2024

Festival ini dianjurkan oleh Pusat Khidmat DUN Kampung Tunku dengan kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Kerajaan Negeri Selangor. Objektif acara ini adalah untuk mengumpulkan komuniti PJ dan Subang, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai landskap pembiayaan yang ada dan mengetengahkan persekitaran kawal selia dan perniagaan melalui pelbagai aktiviti. Dari 17 hingga 18 Ogos, InvestSmart® berkongsi maklumat dan pengetahuan tentang produk dan perkhidmatan pelaburan, dan kesedaran tentang

antipenipuan. Acara ini menarik lebih 5,000 pengunjung termasuk pelajar universiti dan kolej, syarikat pemula serta usahawan PKS.



InvestSmart® X FIMMAC 2024

Pada 12 September 2024, Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) telah menganjurkan Konvensyen Tahunan FIMM (FIMMAC) tahunan mereka bertemakan 'Inovasi dan Melabur' di Vertical, Bangsar South, Kuala Lumpur. Acara ini telah dihadiri oleh perunding skim unit amanah dan skim persaraan swasta, ahli industri pengurusan pelaburan, dan orang ramai. InvestSmart® membuka gerai dan merupakan ahli panel mengenai topik 'Kejelasan Melalui Kebisingan'. Acara satu hari ini menarik 1,070 peserta.

Bulan Literasi Kewangan FEN 2024

Bulan Literasi Kewangan FEN 2024 (FLM 2024) telah diadakan pada Oktober 2024, dengan tema 'Bijak Wang Hidup Sejahtera'. FLM 2024 telah dirasmikan pada 1 Oktober oleh Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II di Sasana Kijang, diikuti dengan perasmian jerayawara Skuad Celik Kewangan selama sebulan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh ahli dan rakan kongsi FEN seperti jerayawara di seluruh negara, forum, simposium, acara, bengkel dan webinar. Penyertaan InvestSmart® dalam FLM 2024 adalah seperti berikut:

- Pempamer pada pelancaran FLM dan Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan (NFLS) 2024 dari 1 hingga 3 Oktober 2024.

- Penganjuran webinar tentang kemampanan untuk pelabur runcit.
- Pada 14 Oktober 2024, semasa Minggu Literasi Kewangan KWSP 2024, InvestSmart® telah memberi ceramah ringkas mengenai topik penipuan dan pengenalan kepada produk dan perkhidmatan pasaran modal. Acara ini telah menarik kehadiran 1,009 yang terdiri daripada kakitangan KWSP dan orang ramai.

Pengumuman Khidmat Awam di Semua Saluran Televisyen, Stesen Radio dan Pengangkutan Awam

InvestSmart® meneruskan kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Digital untuk mempromosikan literasi pelaburan dan pemesejan antipenipuan di seluruh negara melalui pengumuman khidmat awam di semua saluran televisyen, stesen radio dan pengangkutan awam yang dikendalikan oleh Prasarana. Kerjasama ini membolehkan InvestSmart® menjangkau jutaan rakyat Malaysia tanpa sebarang kos. Pengumuman ini termasuk yang berikut:

- Pengumuman radio di semua stesen radio tempatan dari 1 Ogos 2023 hingga 1 Oktober 2024 untuk menggunakan penyemak pelaburan SC sebelum melabur.
- Pengumuman melalui teks bergerak di semua saluran televisyen tempatan daripada 15 November 2024 hingga 15 Februari 2025, memberi peringatan kepada orang ramai untuk berwaspada terhadap penipuan yang dilakukan melalui akaun bank keldai.

Program Ceramah InvestSmart®

Siri Wacana INCEIF Universiti INCEIF, edisi ke-12

Pada 16 Februari 2024, InvestSmart® telah dijemput untuk berucap di Siri Wacana INCEIF mengenai 'Penyalahgunaan Label Patuh Syariah'. Sesi itu membincangkan penyalahgunaan label patuh Syariah dalam kalangan komuniti pelabur, terutamanya oleh syarikat yang menawarkan alat pelaburan patuh Syariah. Sesi itu mengumpulkan 77 peserta daripada fakulti, pelajar dan alumni INCEIF.

Kelab Pencegahan Jenayah SMK Damansara

Pada 24 Julai 2024, di bawah sepanduk FEN, InvestSmart® telah dijemput untuk memberi ceramah mengenai penipuan kewangan dan pelaburan dalam program anjuran Kelab Pencegahan Jenayah SMK Damansara Jaya (SMKDJ). Program ini telah dihadiri oleh 320 pelajar dan guru.

Program Pembangunan Sarjana (SDP) BNM untuk Pelajar Praperlepasan 2024

BNM menjemput InvestSmart® untuk bercakap mengenai penipuan pelaburan pada 2 Ogos 2024 kepada 38 pelajar tajaan BNM yang akan melanjutkan pelajaran di AS, UK dan Australia. Objektif program ini adalah untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran mengurus kewangan semasa berada di luar negara.

'Literasi Kewangan Abad Ke-21', Program K-Youth

FEN menerima jemputan daripada Pepper Labs Sdn Bhd untuk berucap di Program K-Youth mereka. K-Youth ialah inisiatif kebolehpasaran belia oleh Khazanah Nasional yang bertujuan untuk membangunkan bakat masa depan Malaysia. InvestSmart® menyampaikan ceramah mengenai penipuan pelaburan kepada 95 belia pada 6 Ogos 2024.

Amazing Seniors: Walk-A-Breakfasthon

InvestSmart® telah dijemput oleh *Hire Seniors* untuk memberi ceramah mengenai 'Elak Penipuan Pelaburan: Ketahui Caranya' pada 29 September 2024 di Tropicana Gardens Mall, Kota Damansara. Acara ini disokong oleh KBS dan *Malaysian Women's Marathon*, dan menarik lebih 500 pengunjung.

InvestSmart® @ IKIM FM

InvestSmart® turut ditemu bual di IKIM FM pada 8 dan 10 Oktober 2024. Temu bual ini memberi tumpuan kepada meningkatkan kesedaran tentang pelbagai jenis penipuan pelaburan dan cara mengelakkannya serta mempromosikan acara utama InvestSmart®.

InvestSmart X Unit Trust Experience 2024

InvestSmart® telah dijemput oleh Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) untuk memberi ceramah mengenai 'Kajian Kes Mengenai Salah Laku Melibatkan UTC' pada 23 November 2024. Acara ini telah menarik lebih 2,200 pengunjung.



Penerbitan – Artikel

Artikel Mengenai Akaun Bank Keldai

Memandangkan kebanyakan penipuan berkongsi ciri yang sama; penggunaan akaun bank keldai, SC telah menerbitkan artikel di media berbahasa Melayu mengenai topik 'Membongkar Akaun Keldai: Cara Mengesan dan Mengelak daripada Penipuan Pelaburan (Scam)'. Artikel ini telah diketengahkan dalam beberapa penerbitan, termasuk Harian Metro, Berita Harian, Mstar, dan Kosmo, mengingatkan orang ramai agar tidak sesekali menandatangani wang ke dalam akaun keldai dan tidak sesekali membenarkan akaun bank mereka digunakan sebagai akaun keldai.

Baca lebih lanjut mengenai artikel yang diterbitkan di Harian Metro bertajuk 'SC ambil tindakan terhadap 19 pemilik 'akaun keldai'.

https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1161263/sc-ambil-tindakan-terhadap-19-pemilik-akaun-keldai?utm_source=lumi&utm_medium=lumi_web&utm_campaign=article

Baca lebih lanjut mengenai artikel yang diterbitkan di Kosmo bertajuk 'SC ambil tindakan terhadap 19 pemilik akaun keldai'.

<https://www.kosmo.com.my/2024/12/01/sc-ambil-tindakan-terhadap-19-pemilik-akaun-keldai/>

Pelajar jadi sasaran utama sindiket cari keldai akaun

Golongan muda diperdaya kerana tidak sedar risiko undang-undang akaun digunakan aktiviti haram

oleh Siti Ayu Kartika Amri khawartha.com.my

Kuala Lumpur: Seseorang utama sindiket penipuan dalam talian seperti penipuan pelaburan, 'love scam', penipuan data (phishing) dan penipuan e-dagangan akaun (keldai) akaun adalah golongan muda, termasuk pelajar.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dalam kenyataan berkata, golongan yang menjadi sasaran utama sindiket berkesan termasuk pelajar muda berusia 21 hingga 30 tahun serta individu berpendapatan rendah dan ramai yang tidak menyedari risiko undang-undang apabila akaun mereka digunakan untuk aktiviti haram.

Akaun keldai sering digunakan dalam skim pelaburan palsu yang menggunakan produk seperti saham dan mata wang kripto melalui media sosial.

"Akaun bank keldai ini membolehkan penipu dalam berbilang akaun penipuan di Malaysia dan di seluruh dunia."

"Penipu akan wakil mereka menggunakan media sosial seperti Facebook untuk mencari

mereka yang berminat untuk 'menyewakan' akaun bank untuk sesuatu bayaran.

Bayaran tersebut mungkin secara sekali gus (one-off), bulanan, atau komisen berdasarkan jumlah wang yang diterima melalui akaun bank keldai tersebut," kata agensi itu.

Jani Leela Tingi: SC berkata, ramai yang tidak menyedari risiko undang-undang apabila akaun mereka digunakan untuk aktiviti haram.

"Berdasarkan kajian mengenai pembentukan akaun keldai di Malaysia, penerbitan ini menyedari risiko undang-undang apabila akaun mereka digunakan untuk aktiviti haram."

SC berkata, sehingga ini 19 pemilik akaun keldai sudah diambil tindakan pengukuatan kerana hasil aktiviti haram.

SC menyedarkan orang ramai supaya jangan berkongsi maklumat akaun bank, ID log masuk, kata laluan, atau OTP kepada sesiapa sahaja yang menawarkan akaun bank, simpanan, maklumat akaun bank, senarai pemilikan, transaksi atau aktiviti.

Transaksi akaun bank keldai akan dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

SC berkata, ramai yang tidak menyedari risiko undang-undang apabila akaun mereka digunakan untuk aktiviti haram.



SC melaporkan sehingga ini 19 pemilik akaun keldai diambil tindakan pengukuatan kerana hasil aktiviti haram.

Video Kesedaran Mengenai Perlindungan dan Pencegahan Penipuan yang menampilkan SC, Bursa Malaysia dan PDRM

Video ini adalah dokumentari tentang kesan penipuan terhadap orang ramai dan langkah berjaga-jaga yang perlu diambil untuk mengelak daripada menjadi mangsa penipuan. Video ini telah dilancarkan semasa penutupan Pesta InvestSmart®.

Program Masyarakat Media Sosial InvestSmart®

InvestSmart® terus memanfaatkan sepenuhnya platform media sosialnya untuk menjangkau orang ramai dengan maklumat ringkas, sambil memperkenalkan mereka kepada produk dan perkhidmatan pasaran modal serta meningkatkan kesedaran tentang penipuan dan aktiviti tidak berlesen. Banyak siaran media sosial dalam pelbagai bahasa telah dibuat pada platform Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok InvestSmart®, menjangkau lebih 16 juta pengguna pada tahun 2024.

Video Antipenipuan Baharu

Semasa ISF 2024, InvestSmart® melancarkan dua video antipenipuan dengan kerjasama Bursa Malaysia.

Video Antipenipuan Baharu Menampilkan Douglas Lim



Video ini memaparkan penipuan pelaburan terkini dengan mesej utama untuk mendidik pelabur. Video ini menggunakan pendekatan lawak tentang jenis penipuan terkini. Ia menampilkan pelawak tempatan Malaysia, Douglas Lim. Video ini kemudiannya disiarkan pada semua platform media sosial InvestSmart® dan memperoleh 1.7 juta tontonan.

PELABUR BIJAK

Tidak akan mendepositkan wang untuk tujuan pelaburan ke dalam akaun bank milik individu

RPS - Redeemable Preference Shares (Saham keutamaan boleh tebus)

IRPS - Islamic Redeemable Preference Shares (Saham keutamaan boleh tebus Islamik)

SYARIKAT

NEW INCLUSION TO

SC'S INVESTOR ALERT LIST

as of 12 June 2024

Beware of illegal investment schemes offered via social media platforms

The Securities Commission Malaysia has added the following names of unauthorised entities and individuals into the SC's Investor Alert List

- **Corsa Futures** (<https://corsafutures.com/> | <https://www.instagram.com/corsafutures/> | <https://www.facebook.com/corsafutures>)
- **Bursa Berkah** (<https://www.facebook.com/profile.php?id=61556675199788>)

For further details, please visit www.sc.com.my/investor-alert

IN SUPPORT OF

LIBAT URUS DALAMAN UNTUK MEMACU NILAI

Libat urus dalaman yang berkesan menjadi asas untuk membina keselarasan, memupuk kerjasama, dan mendorong aspirasi kolektif SC dalam membangun dan mengawal selia pasaran modal. Dalam persekitaran dinamik dengan keutamaan strategik yang sentiasa berkembang, libat urus ini memastikan setiap individu dalam organisasi terus terhubung dengan matlamat menyeluruh. Dengan menggalakkan komunikasi terbuka dan perkongsian tanggungjawab terhadap matlamat, SC memupuk tenaga kerja yang padu dan berprestasi tinggi, membolehkan organisasi bertindak balas dengan berkesan terhadap cabaran, mencipta nilai yang berkekalan, dan melaksanakan misinya dengan matlamat yang jelas.

Perancangan Perniagaan – Sesi Perbincangan Umum Townhall dan Mesyuarat Pengurusan

Berdasarkan Rancangan Perniagaan tiga tahun 2023-2025, satu sesi Perbincangan Umum Townhall telah diadakan pada 7 Februari 2024. Pada sesi ini pihak pengurusan SC memaklumkan kakitangan kemas kini utama mengenai perkembangan organisasi sepanjang tahun. Ini termasuk Rancangan Perniagaan 2024 dan Kad Skor Korporat, yang menggariskan keutamaan pengawalseliaan dan pembangunan SC selaras dengan agenda negara. Sesi Perbincangan Umum ini juga memperkenalkan inisiatif seluruh organisasi yang penting seperti Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi SC (OACP), Inisiatif Mengutamakan Kemampanan (SFI), dan Pelan Induk Teknologi dan Analitis (TAAM), di samping kemas kini sumber manusia utama.

Memajukan Nilai dan Amalan DNA SC

DNA SC, yang diperkenalkan pada Mac 2023 dengan enam dimensi, berfungsi sebagai tulang belakang kepada nilai-nilai SC dan membentuk asas yang kukuh dalam menzahirkan nilai sebagai contoh pengawal selia serta dalam menyampaikan kecemerlangan dalam semua aspek pekerjaan. Pada tahun 2024, pelbagai intervensi telah disusun untuk menghayati nilai-nilai ini

di seluruh organisasi. Intervensi ini menyatukan pelbagai lapisan populasi SC melalui aktiviti fizikal dan maya yang menarik, dengan memberi penekanan pada titik sentuh tertentu.

Dalam memupuk persekitaran yang dinamik dan membina keterangkuman, intervensi ini juga mengukuhkan hubungan antara jabatan dan memupuk semangat kerjasama antara kakitangan.

Individu yang menonjol sebagai peserta paling aktif melalui titik sentuh yang boleh dikesan ialah Moses Cheng Qing Wong (Analitik), Nur Atiqah Mohamad Tajuddin (Pengurusan Risiko) dan Siti Nur Aina Md Hussin (Pemantauan Korporat).

Melangkah ke hadapan, dimensi DNA SC telah diselaraskan untuk menjadi sebahagian daripada kecekapan Kepimpinan di seluruh SC.



INISIATIF KOMUNIKASI STRATEGIK

SC melakar pencapaian penting dengan penerbitan **4,128 artikel berita** sepanjang tahun, mencerminkan minat dan libat urus media yang meluas. Liputan yang meluas ini menonjolkan peranan SC dalam memajukan pembangunan kawal selia, inisiatif kemampanan, dan kerjasama industri, sekaligus mempamerkan impak serta pengaruh SC terhadap isu-isu utama dalam sektor tersebut. Kepelbagaian topik yang dibincangkan dalam artikel-artikel ini turut menunjukkan komitmen SC terhadap ketelusan dan usaha komunikasi dengan pihak berkepentingan.

Libat urus media utama termasuk:

- **88 siaran media yang dikeluarkan** (sehingga Disember 2024), menyoroti perkembangan kawal selia dan inisiatif pembangunan pasaran;
- **Tujuh taklimat teknikal** untuk memperjelaskan rangka kerja kawal selia;
- **Lima sidang akhbar/interaksi ringkas dengan media**, menggalakkan interaksi secara langsung dengan pihak media;
- **16 wawancara media** yang menampilkan kepimpinan SC, memperkukuh kedudukan mereka sebagai pemimpin pemikiran; dan
- **Enam artikel pendapat** diterbitkan, menyampaikan pandangan pakar mengenai perkembangan pasaran modal.

Memperkukuh Inisiatif Utama

Kepimpinan SC memperkukuh kedudukan sebagai pemimpin pemikiran melalui **36 ucapan berimpak**, termasuk **30 yang disampaikan oleh Pengerusi**

dan **enam oleh Pasukan Eksekutif**, di forum-forum utama. Ucapan-ucapan ini mendapat liputan meluas dalam media dan turut membantu mengukuhkan SC sebagai suara utama dalam industri pasaran modal.

Menyokong PMKS dan Kemampanan

Sorotan utama usaha komunikasi SC pada tahun 2024 ialah liputan meluas mengenai *Pemangkin Akses PMKS dan Syarikat Pertengahan kepada Pasaran Modal: Pelan Hala Tuju 5 Tahun*. Acara pelancaran tersebut sahaja menerima lebih 200 liputan, mencerminkan minat dan sokongan yang meluas di seluruh platform media.

Inisiatif ini dianggarkan mencapai lebih 6 juta orang, diperluaskan lagi dengan ulasan industri dan sokongan daripada pihak berkepentingan utama yang memuji usaha SC dalam menyediakan rangka kerja kukuh untuk menyokong segmen ini.

Satu lagi pencapaian penting ialah Meja Bulat SC-OCIS di UK, di mana DYMM Sultan Nazrin Shah menyampaikan ucap tama yang bertajuk 'Memulihkan Kemanusiaan dalam Kewangan'. Teks penuh ucapan baginda telah diterbitkan dalam The Edge, menonjolkan komitmen SC untuk mempromosikan amalan etika dan tanggungjawab sosial dalam kewangan.

Memanfaatkan Media Sosial

SC memanfaatkan platform media digital dan sosial untuk mengukuhkan usaha komunikasinya serta meningkatkan libat urus dengan masyarakat yang pelbagai. Khususnya, siaran media sosial SC memperoleh perhatian yang besar di luar salurannya sendiri, dengan kira-kira **76 siaran** dikongsi dan dirujuk oleh media sebagai sumber berita yang boleh dipercayai. Ini termasuk kemas kini mengenai Senarai Amaran Pelabur SC, promosi praacara, dan sorotan daripada acara utama.

